

LAPORAN
TAHUNAN
USM 2019



MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIKAN TINGGI UNTUK KELESTARIAN HARI ESOK

Imej kulit hadapan

Haliastur indus girrenera, Brahminy Kite, egg

Sumber

Jurufoto: Boheme Rawoteea

Museums Victoria

<https://collections.museumvictoria.com.au/specimens/446984>

LAPORAN TAHUNAN USM 2019



© Universiti Sains Malaysia, 2020

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan USM 2019

ISSN 1675-1221

e-ISSN 2716-6929

Muka taip teks: Montserrat

Penerbitan ini dicetak menggunakan kertas kitar semula 



Imbas kod untuk akses
versi digital

Dicetak oleh Redhouse Business Solution, Bangunan A04, Rumah Merah PKAP
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia.



Korporat 01

- 02 Visi, Misi dan Teras APEX
- 02 Garis Masa
- 08 Penaung Diraja Universiti
- 09 Canselor
- 10 Pro-Canselor
- 11 Lembaga Gabenor Universiti
- 12 Jawatankuasa Audit
- 13 Pengurusan Tertinggi
- 14 Carta Organisasi Pengurusan
- 16 Ketua Pusat Tanggungjawab

Prestasi & Pencapaian 21

- 22 USM dalam Statistik
- 24 Laporan Pengerusi LGU
- 30 Sorotan Pencapaian


Kandungan



Kewangan 67

- 68 Laporan Kewangan
- 77 Laporan Ketua Audit Negara
- 81 Penyata LGU
- 82 Pengakuan Kewangan





Korporat

07

Visi

Mentransformasikan Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok

Misi

USM ialah universiti perintis, berintensifkan penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan terkebahawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka

9 Teras APEX

Keilmuan

Masa Hadapan

Kelainan (Keunikan)

Kelestarian

Kesejagatan

Kemanusiaan

Pengorbanan

Perubahan

Kesejahteraan

GARIS MASA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1960

11 April 1962

1

Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Kolej Universiti di Pulau Pinang

26 September 1962

2

Kabinet meluluskan penubuhan Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi yang bertanggungjawab mengkaji dan mempertimbangkan cadangan penubuhan institusi



Februari 1967

3

Menteri Pelajaran mengumumkan dalam Parlimen bahawa kerajaan pusat telah meluluskan penubuhan Kolej Universiti Pulau Pinang



7 Ogos 1967

4

Upacara perletakan batu asas Kolej Universiti Pulau Pinang oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Sungai Ara



1 Jun 1969

5

Pelantikan rasmi Naib Canselor USM pertama, Tan Sri Hamzah Sendut



1970

6 Februari 1971

Minden diserahkan kepada Universiti Pulau Pinang



7 4 Oktober 1971

Universiti Pulau Pinang ditubuhkan sepenuhnya

8 23 April 1972

Universiti Pulau Pinang ditukarkan nama kepada Universiti Sains Malaysia (USM)



1980

9 Ogos 1983

Penubuhan Kampus Kesihatan USM, Kubang Kerian, Kelantan



10 1 September 1983

Hospital USM dibuka dan dikendalikan oleh 18 orang doktor dan 70 orang staf perubatan. Hospital USM beroperasi sepenuhnya pada 1984



11 2 September 1983

Perasmian Masjid al-Malik Khalid USM oleh DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'adzam Shah



1990

12 15 September 1990

DYMM Paduka Seri Sultan Perak merasmikan kampus sementara USM yang pada ketika itu mempunyai sejumlah 640 orang pelajar dan 140 orang staf. Kerajaan Perak menghadihkan kawasan seluas 198 hektar di Seri Iskandar, Tronoh, daerah Perak Tengah



13 4 Oktober 1992

Majlis Universiti ditukar nama kepada Lembaga Pengarah Universiti dan Tan Sri Ani Arope dilantik sebagai pengerusinya



2000

14 2001

Kampus Kejuruteraan USM mula beroperasi di lokasi baharu di Nibong Tebal, Pulau Pinang



15 16 Oktober 2002

Penubuhan Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT)



GARIS MASA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2000

2003

16

Logotaip USM diperkenalkan oleh DYMM Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid



11 Oktober 2006

17

Pengisytiharan USM sebagai Universiti Penyelidikan oleh Perdana Menteri Malaysia

4 September 2008

18

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia mengumumkan pemilihan USM untuk Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX)



18 Julai 2009

19

Proses penjenamaan semula USM bermula



2010

1 Julai 2011

20

Perlembagaan baharu USM telah diwartakan dan mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2011



12 April 2015

21

USM menjadi universiti terawal memulakan Massive Open Online Courses (MOOCs), iaitu pada April 2015



22 Januari 2017

22

Hospital USM melakar sejarah menjalankan kaedah pembedahan batu karang buah pinggang *staghorn* dengan menggunakan kaedah terbaharu yang dikenali sebagai 'Supine Percutaneous Nephro Lithotripsy (PCNL)'



21 Februari 2018

23

USM memulakan inisiatif Kampus Tanpa Tunai dengan pelaksanaan USMartPay



Jun 2018

24

USM menduduki tempat ke-14 dalam penarafan universiti muda terbaik dunia yang diumumkan oleh Quacquarelli Symonds (QS) dalam QS Top 50 Under 50 (50 universiti terbaik di bawah 50 tahun)



30 November 2018

25

USM diiktiraf sebagai Universiti Keusahawanan Terbaik dalam Ministry of Education Entrepreneurial Awards (MEA) 2018 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia



April 2019

26

USM tersenarai pada tangga ke-49 seluruh dunia dalam Times Higher Education (THE) University Global Impact Rankings, dan kedua terbaik dunia dalam Pendidikan Berkualiti bagi University Global Impact Rankings 2019 by SDG (Matlamat Pembangunan Lestari)



September 2019

27

Upacara Konvokesyen Komemoratif dan Upacara Konvokesyen ke-57 USM berlangsung pada 23-29 September 2019, sempena meraikan ulang tahun ke-50 penubuhan USM


4 Oktober 2019

28

Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan dilantik sebagai Naib Canselor USM, menggantikan Profesor Datuk Dr. Asma Ismail







PENAUNG DIRAJA

Universiti



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH
SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K. (Terengganu), D.K. (Johor), S.P.M.J., P.A.T.,
D.K.M.B. (Brunei)

CANSELOR



DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang), D.K. II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order of King Tomislav (Croatia), Grand Collier de l'Independence (Grand Medal of the Independence) – Cambodia, Grand Croix De L'Ordre (Royal Sash) – Cambodia, Cavaliere Di Gran Croce Decorato Di Gran Cordone (Itali), Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi), Decoration of Omayad – The Finest Decoration (Syria), Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden), Grand Cordon of the Order of the Sacred Treasure (Japan)

PRO-CANSELOR



TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A HASSAN



**TAN SRI DATO' DR. JEGATHESAN
MANIKAVASAGAM**



**TAN SRI DATUK
MUSTAFA MANSUR**

LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI



PENGERUSI

Dr. Hari Narayanan P Ondiveeran



SETIAUSAHA

Dr. Musa Ali



AHLI

1. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail (sehingga 3 Oktober 2019)
2. Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan (bermula 4 Oktober 2019)
3. Profesor Dato' Dr. Muhammad Fauzi Mohd Zain
4. Encik Johan Mahmood Merican
5. Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor
6. Profesor Dr. Abd Karim Alias
7. Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak
8. YM Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff
9. Encik Noor Azam Mohd Noor
10. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said
11. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman

EX-OFFICIO

1. Timbalan-timbalan Naib Canselor
2. Pengarah Kampus Kesihatan
3. Pengarah Kampus Kejuruteraan
4. Pendaftar
5. Bendahari
6. Penasihat Undang-Undang

JAWATANKUASA AUDIT



PENGERUSI

Profesor Dato' Dr.
Muhammad Fauzi Mohd Zain



AHLI

1. Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor
2. Encik Noor Azam Mohd Noor



SETIAUSAHA

Encik 'Ubaidillah Ozmin

PENGURUSAN TERTINGGI



NAIB CANSOLOR

Profesor Datuk Dr. Asma Ismail

(4 Oktober 2016–3 Oktober 2019)

Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan

(4 Oktober 2019–3 Oktober 2022)



TIMBALAN NAIB CANSOLOR

2. AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Profesor Dato' Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
(15 Mac 2017–14 Mac 2020)

3. PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed
(1 Mei 2018–30 April 2021)

4. HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein (1 Dis 2014–28 Feb 2019)	Profesor Dr. Aldrin Abdullah (1 Mac 2019–28 Feb 2022)
--------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------

5. KELESTARIAN DAN PEMBANGUNAN INSTITUSI

Profesor Dr. Md Roslan Hashim
(1 Dis 2019–30 Nov 2022)

6. PENGARAH KAMPUS KESIHATAN

Profesor Dato' Paduka
Dr. Ahmad Sukari Halim
(15 Nov 2016–31 Dis 2021)

7. PENGARAH KAMPUS KEJURUTERAAN

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria
(15 Mac 2017–31 Dis 2021)

8. PENDAFTAR

Dr. Musa Ali
(1 Jan 2018–31 Dis 2020)

9. BENDAHARI

Dr. Rohayati Mohd Isa
(1 Jan 2016–31 Mei 2020)

10. KETUA PUSTAKAWAN

Puan Rugayah Ali
(1 Nov 2018–31 Okt 2021)

11. PENASIHAT UNDANG-UNDANG


Dr. Khairul Anuar Che Azmi
(1 Jan 2016–31 Dis 2021)

12. OMBUDSMAN

Profesor Dato' Seri Dr. Md Salleh Yaapar
(1 Jan 2017–31 Dis 2020)

CARTA ORGANISASI

Pengurusan



PUSAT PENGAJIAN

- INDUK
- KEJURUTERAAN
- KESIHATAN

DEKAN

**PENGARAH/KETUA/
PENYELARAS PTJ**

**PUSAT KECEMERLANGAN, PUSAT
STRATEGIK, PUSAT PERKHIDMATAN &
BAHAGIAN PENTADBIRAN**



KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

PUSAT PENGAJIAN

Pusat Pengajian Sains Fizik (1969; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Fizik & Ilmu Hisab)

School of Physics

Profesor Dr. Azlan Abdul Aziz

Pusat Pengajian Sains Kajihayat (1969)

School of Biological Sciences

Profesor Dr. Amirul Al-Ashraf Balakrishnan Abdullah

Pusat Pengajian Sains Kimia (1969)

School of Chemical Sciences

Profesor Dr. Rohana Adnan

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (1970; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Kebudayaan & Kemanusiaan)

School of Humanities

Profesor Dr. Narimah Samat

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (1970)

School of Educational Studies

Prof. Madya Dr. Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (1970)

School of Social Sciences

Profesor Dr. Azlinda Azman

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan (1972; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Sains Bangunan & Perancangan)

School of Housing, Building & Planning

Prof. Madya Ir. Dr. Abdul Naser Abdul Ghani

Pusat Pengajian Sains Farmasi (1972)

School of Pharmaceutical Sciences

Profesor Dr. Habibah A Wahab

Pusat Pengajian Sains Matematik (1974)

School of Mathematical Sciences

Profesor Dr. Hailiza Kamarulhaili Harun

Pusat Pengajian Sains Perubatan (1979)

School of Medical Sciences

Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral (1986)

School of Materials & Mineral Resources Engineering

Prof. Madya Ir. Dr. Syed Fuad Saiyid Hashim

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (1986)

School of Electrical & Electronic Engineering

Profesor Ir. Dr. Mohd Fadzil Ain

Pusat Pengajian Teknologi Industri (1986)

School of Industrial Technology

Profesor Dr. Norli Ismail

Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (1989)

School of Civil Engineering

Profesor Dr. Taksiah A Majid

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik (1989)

School of Mechanical Engineering

Prof. Madya Dr. James Laeng @ Jamaluddin Abdullah

Pusat Pengajian Pengurusan (1989)

School of Management

Profesor Dr. Noor Hazlina Ahmad

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia (1992)

School of Chemical Engineering

Profesor Ir. Dr. Zainal Ahmad

Pusat Pengajian Komunikasi (1995)

School of Communication

Dr. Nurzali Ismail

Pusat Pengajian Sains Komputer (1995)

School of Computer Sciences

Profesor Dr. Rosni Abdullah @ Mustafa

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (1998; Rancangan Pengajian Luar Kampus mula ditawarkan pada tahun 1971)

School of Distance Education

Profesor Dr. Habibah Lateh (hingga 14 Jun 2019)
Dr. Ku 'Azam Tuan Lonik

Pusat Pengajian Sains Pergigian (1998)

School of Dental Sciences

Prof. Madya Dr. Mohd Fadhli Khamis

Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa (1999)

School of Aerospace Engineering

Prof. Madya Dr. Farzad Ismail

Pusat Pengajian Sains Kesihatan (1999)

School of Health Sciences

Profesor Dr. Norazmi Mohd Nor

Pusat Pengajian Seni (1999; dinaik taraf daripada Pusat Seni yang ditubuhkan pada tahun 1984)

School of the Arts

Dr. Mumtaz Begum PV Aboo Backer

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan (2008; dinaik taraf daripada Pusat Bahasa & Terjemahan yang ditubuhkan pada tahun 1972)

School of Languages, Literacies & Translation

Prof. Madya Dr. Salasiah Che Lah

Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (2009)

Graduate School of Business

Profesor Dr. Azlan Amran

Institut Pengajian Siswazah (1991)

Institute of Postgraduate Studies

Profesor Dr. Rozman Din

PUSAT KECEMERLANGAN

Institut Penyelidikan & Perubatan Molekul

Institute for Research & Molecular Medicine

Profesor Dr. Rahmah Noordin

Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-ubatan

Centre for Drug Research

Profesor Dr. Vicknasingam Balasingam Kasinather

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar

River Engineering & Urban Drainage Research Centre

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria

Institut Penyelidikan & Teknologi Nano Optoelektronik

Institute of Nano Optoelectronics Research & Technology

Profesor Dr. Zainuriah Hassan

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara

National Higher Education Research Institute

Prof. Madya Dr. Hazri Jamil

Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Advanced Medical & Dental Institute

Profesor Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman

Pusat Biologi Kimia

Centre for Chemical Biology

Profesor Dr. Alexander Chong Shu Chien

Pusat IPv6 Termaju Negara

National Advanced IPv6 Centre

Profesor Dr. Rosni Abdullah @ Mustafa

Pusat Kajian Kelestarian Global

Centre for Global Sustainability Studies

Dr. Suzyrman Sibly

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam

Centre for Islamic Development Management Studies

Dr. Shahir Akram Hassan

Pusat Kajian Samudera & Pantai

Centre for Marine & Coastal Studies

Profesor Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global

Centre for Global Archaeological Research

Profesor Dato' Dr. Mohd Mokhtar Saidin

Pusat Penyelidikan Dasar & Kajian Antarabangsa

Centre for Policy Research & International Studies

Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Pusat Penyelidikan Wanita & Gender

Centre for Research on Women & Gender

Profesor Dr. Noraida Endut

Pusat Racun Negara

National Poison Centre

Profesor Dato' Dr. Mohamed Isa Abd Majid

Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia

Centre for Instructional Technology & Multimedia

Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya

Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik

Collaborative Microelectronic Design Excellence Centre

Profesor Ir. Dr. Mohd Fadzil Ain

PUSAT STRATEGIK

Sains@USM

Sains@Usm

Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed

Pusat Perancangan Institusi & Strategik

Institutional Planning & Strategic Center

Profesor Dr. Aldrin Abdullah

Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik & Pembangunan Pelajar

Centre for Development of Academic Excellence (CDAE)

Profesor Dr. Abd Karim Alias

Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan

Division of Research & Innovation (RCMO)

Profesor Dr. Lee Keat Teong

Pusat Keusahawanan Universiti

University Entrepreneurship Centre (Epic)

Prof. Madya Dr. Zulnaidi Yaacob

Pejabat Jaringan Komuniti

Division of Community Network

Encik Syed Yusof Syed Kechik

Bahagian Jaringan Industri

Division of Industrial Relations

Prof. Madya Dr. Yeoh Fei Yee

Pusat Pembangunan & Sahsiah Pelajar

Student Development Centre

Dr. Nazarudin Zainun

Pusat Pembangunan Perniagaan

Centre for Business Development

Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil H. P. Shawkataly

Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan

Centre for Alumni Liaison, Career & Graduate Employability

Dr. Norazharuddin Shah Abdullah

Pejabat Nexus Perubatan & Sains Kesihatan

Office of Nexus Medical & Health Sciences

Profesor Dr. Nik Soriani Yaacob

Nexus Sains Hayat

Nexus Life Sciences

Profesor Dr. Mohd Nazalan Mohd Najimudin

Nexus Kejuruteraan

Nexus Engineering

Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad

Nexus Sains Sosial & Kemanusiaan

Nexus Social Science & Humanities

Profesor Dr. Fauziah Md Taib

Pejabat Pemajuan USM / Yayasan USM

USM Advancement Office / USM Foundation

Profesor Dato' Ir. Dr. Mahyuddin Ramli

Pusat Transformasi Insan

Human Transformation Centre

Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan

Pusat Kualiti Akademik Universiti

Centre of University's Academic Quality

Prof. Madya Dr. Ahmad Mohamad

Pusat Pemindahan Ilmu

Knowledge Transfer Centre

Profesor Dr. Haslan Abu Hassan

PUSAT PERKHIDMATAN

Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis

Analytical Biochemistry Research Centre (ABRC)

Profesor Dr. Zafarina Zainuddin

Hospital Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia Hospital

Profesor Dato' Paduka Dr. Ahmad Sukari Halim

Pusat Pendidikan & Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga & Teknologi Hijau

Centre for Education & Training in Renewable Energy, Energy Efficiency & Green Technology (CETREE)

Profesor Madya Dr. Mohd Wira Mohd Shafiei

Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan

Science & Engineering Research Centre (SERC)

Profesor Dr. Azlina Harun @ Kamaruddin

Penerbit USM

USM Press

Encik Akhbar Salleh (hingga 2 Oktober 2019)

Puan A'watif Ahmad

Pusat Penyelidikan & Perkhidmatan Haiwan

Animal Research & Service Centre

Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya

Pusat Mobiliti & Kolaborasi Antarabangsa

International Mobility & Career Centre (IMCC)

Dr. Muhizam Mustafa

Pejabat Inovasi & Pengkomersilan

Innovations & Commercialisation Office

Profesor Dr. Hanafi Ismail

Pusat Islam

Islamic Centre

Encik Mohammad Shukri Osman

Pusat Zakat, Wakaf & Infaq

Zakat, Waqaf & Infaq Office

Puan Rohayati Daud

Pusat Sukan & Rekreasi

Sports & Recreation Centre

Prof. Madya Dr. Ahmad Munir Che Muhamed

Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi

Centre for Knowledge, Communication & Technology

Encik Zulham Hamdan

Jabatan Keselamatan

Security Department

Prof. Madya Dato' Dr. Sundramoorthy

M. Pathmanathan

Jabatan Pembangunan & Pengurusan Aset

Development & Asset Management Department

Profesor Dr. Badorul Hisham Abu Bakar

Dewan Budaya

USM Cultural Hall

Prof. Madya Dr. A.S. Hardy Shafii

Pusat Sejahtera

Sejahtera Centre

Dr. Normala Abdul Wahid

Pusat Rancangan Kokurikulum

Centre for Co-Curriculum Programmes

Dr. Rahimi Che Aman

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah

Tuanku Fauziah Museum & Gallery

Encik Zolkurnian Hassan

Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam

Centre for Innovation & Productivity of Public Administration

Dr. Musa Ali

Pusat Media & Perhubungan Awam

Media & Public Relations Centre

Encik Izam Fairus Kamaruddin

Unit Audit Dalam

Internal Audit Unit

Encik Ubaidillah Ozmin

Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

Occupational Safety & Health Unit

Encik Mohammad Zaip Ahmad

Pejabat APUCEN

Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) Office

Profesor Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai

Pusat Kepakaran Serantau

Regional Centre of Expertise (RCE)

Profesor Dr. Munirah Ghazali

PENTADBIRAN

Bahagian Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Division of Academic & International Affairs

Encik Ramli Osman

Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Division of Students Development Affairs & Alumni

Encik Mohamad Abdullah

Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat

Division of Industrial & Community Network

Encik Shukeri A Rahaman

Bahagian Penyelidikan & Inovasi

Division of Research & Innovation

Cik Rosni Hasan

Pejabat Naib Canselor

Vice Chancellor's Office

Encik Mohd Rashid Abdul Rejab

Bahagian Sumber Manusia

Human Resources Division

Encik Mohd Saad Din (hingga Mac 2019)

Encik Mohd Azizudin Mohd Shariff

Bahagian Pengurusan Akademik

Academic Management Division

Puan Noriah Mohamad

Bahagian Pengurusan Maklumat & ICT

Knowledge Management & ICT Division

Puan Roshita Shariff

Jabatan Pendaftar Kampus Kejuruteraan


Registrar Engineering Campus

Dr. Amir Imran Zainoddin

Jabatan Pendaftar Kampus Kesihatan

Registrar Health Campus

Encik Yusoff Abdullah







Prestasi^{dan} Pencapaian

STAF



10,345

INDUK

4,133

KESIHATAN

1,954

KEJURUTERAAN

845

HOSPITAL USM

3,413

PENTADBIRAN & SOKONGAN

8,078



Pengurusan & Profesional

1,498



Sokongan

6,580

AKADEMIK

2,267



237 • Profesor

406 • Profesor Madya

1,215 • Pensyarah Kanan

61 • Pensyarah

98 • Pensyarah Terlatih

113 • Guru Bahasa

50 • Felo Pasca Doktorat

32 • Kunjungan

55 • Kehormat



Nota:
Statistik staf pada 31 Disember 2019 (termasuk staf Hospital USM, kontrak yang dibayar di bawah PKDK Vol 29000 dan geran).

Data daripada Pangkalan Data SMUS pada 10 Januari 2020.

PELAJAR



KEMASUKAN PELAJAR

9,471

932 • Ijazah Kedoktoran

2,044 • Ijazah Sarjana

4,364 • Ijazah Sarjana Muda (sepenuh masa)

1,093 • Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh)

5 • Diploma Lanjutan

73 • Diploma

860 • Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk skim pertukaran pelajar)

ENROLMEN PELAJAR

34,330

4,280 • Ijazah Kedoktoran

6,780 • Ijazah Sarjana

16,096 • Ijazah Sarjana Muda (sepenuh masa)

5,804 • Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh)

5 • Diploma Lanjutan

153 • Diploma

1,212 • Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk skim pertukaran pelajar)

GRADUAN

6,323

497 • Ijazah Kedoktoran

1,560 • Ijazah Sarjana

3,753 • Ijazah Sarjana Muda (sepenuh masa)

413 • Ijazah Sarjana Muda (Program Ijazah Luar)

5 • Diploma Lanjutan

45 • Diploma

Nota:
Statistik kemasukan pelajar dalam tempoh Januari–Disember 2019.

Statistik enrolmen pelajar Diploma dan Ijazah Pertama aktif pada 31 Disember 2019; Pengajian Tanpa Ijazah dan Ijazah Tinggi dalam tempoh Januari–Disember 2019.

Statistik graduan pada tahun konvokesyen 2019.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DALAM STATISTIK

ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

4,107

INDUK

3,361

KESIHATAN

427

KEJURUTERAAN

319

Nota:
Enrolmen pelajar antarabangsa dalam tempoh Januari–Disember 2019 (bagi pelajar Ijazah Pertama & Ijazah Tinggi sahaja).

PERINGKAT PENGAJIAN

1,714 • Ijazah Kedoktoran

703 • Ijazah Sarjana

478 • Ijazah Sarjana Muda (sepenuh masa)

1,212 • Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk skim pertukaran pelajar)

Enrolmen pelajar antarabangsa merangkumi

85

buah negara







MENGIMBAU 50 TAHUN
YANG BERSEJARAH

MERENCANA 50 TAHUN YANG LEBIH BERMAKNA

“*Sekarang bukan masanya untuk berehat. Apa pun kejayaan yang telah dicapai, itu bukan bermakna kita boleh leka dengan pencapaian ini.*”

DR. HARI NARAYANAN PONDIVEERAN
Pengerusi, Lembaga Gabenor Universiti (LGU)

LAPOR

2019 adalah tahun keramat USM. Tahun ini, genaplah 50 tahun usia USM yang merupakan institusi pengajian tinggi kedua tertua di negara ini. Institusi yang wujud pada hari ini adalah hasil laluan bersejarah yang penuh dengan iltizam, cabaran, pengorbanan, rintangan dan kejayaan.

Meskipun melalui halangan penuh liku, USM cekal dengan aspirasi mendukung ilmu dan pengajaran, merintis penyelidikan bermutu rentas bidang, dan menginspirasi sumbangan kepada masyarakat, selaras dengan moto “Kami Memimpin”. Sejak ditubuhkan setengah abad yang lalu, universiti ini telah menggapai banyak kejayaan cemerlang saban tahun.

USM konsisten dalam inisiatif menyediakan platform dan akses terbaik kepada penyelidik ke arah merealisasikan inovasi, penemuan dan penerbitan ilmiah yang memberi manfaat bukan sahaja pada peringkat tempatan tetapi juga mempunyai nilai tinggi di pasaran global. Kejayaan cemerlang yang ditunjukkan oleh penyelidik-penyelidik USM sepanjang tahun 2019 adalah manifestasi kepada kemampuan mereka menterjemah perancangan dan sokongan institusi kepada tindakan.

USM juga kekal dengan azam untuk membentuk pelajar H.E.B.A.T. (*holistic, entrepreneurial, balanced, articulate dan thinking*), formula yang bukan hanya dihadkan kepada tempoh pembelajaran di USM sahaja, tetapi untuk membentuk graduan, pekerja, usahawan, pemimpin dan manusia yang kekal dengan ciri-ciri berwawasan, berilmu, berintegriti,

berkeusahawanan, berkepimpinan dan akhirnya mampu memberikan sumbangan berimpak tinggi kepada bangsa, agama, negara dan alam sejagat.

Tahun 2019 yang penuh bermakna menyaksikan banyak kejayaan, pengiktirafan serta program-program penting berlaku di USM dalam pelbagai aspek.

PENGIKTIRAFAN INSTITUSI DAN ANUGERAH

Dalam senarai Quacquarelli Symonds World University Rankings (QS-WUR) 2020, USM membuat lonjakan penting, apabila disenaraikan pada tangga ke-165, iaitu kemajuan sebanyak 42 kedudukan, berbanding tangga ke-207 tahun sebelumnya. USM juga melonjak ke dalam senarai 40 universiti terbaik di Asia, peningkatan 6 anak tangga berbanding senarai pada tahun sebelumnya.

Nilai APEX yang digenggam juga telah membuahkan hasil apabila USM disenaraikan pada ranking ke-49 di seluruh dunia dalam Times Higher Education (THE) University Global Impact Rankings yang dikeluarkan buat julung-julung kalinya.

Membanggakan apabila USM juga telah disenaraikan pada tangga kedua terbaik dunia dalam aspek Pendidikan Berkualiti (SDG4) bagi University Global Impact Rankings 2019 by SDG (Matlamat Pembangunan Lestari) daripada 450 buah universiti yang dinilai di 77 negara, di belakang University of Gothenburg, Sweden.

Pelbagai anugerah dan pengiktirafan untuk penyelidikan, akademik dan penerbitan telah dicapai. Antaranya, penyelidik USM memenangi Anugerah L'Oreal-UNESCO untuk Wanita dalam Sains, anugerah-anugerah akademik kebangsaan dan antarabangsa, serta memperoleh pencapaian dalam pelbagai pertandingan inovasi.

AN

PENGERUSI LGU

JARINGAN, INOVASI DAN PROGRAM AKADEMIK

Jaringan USM dengan komuniti, pihak industri serta rakan-rakan akademik terus diutuhkan pada tahun 2019 dengan pelbagai program, aktiviti dan perjanjian kerjasama yang telah dan akan memanfaatkan pelbagai pemegang taruh.


Golongan masyarakat luar bandar, orang asli, kanak-kanak, orang kelainan upaya (OKU) serta warga emas terus diraikan oleh warga USM dengan program-program pendidikan, gotong-royong, bengkel meningkatkan sosioekonomi, program anak angkat, sumbangan kepada asnaf, dan juga aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat berlainan bangsa dan agama, serta komuniti antarabangsa.

Sementara itu, pembangunan farmakopoeia halal pertama di dunia, kolaborasi dengan pusat kanser antarabangsa terkemuka, pengukuhan kerjasama keselamatan air dan kelestarian tenaga, serta pembangunan kejuruteraan, farmaseutikal dan robotik telah terhasil menerusi kemapanan perancangan dalam mengukuhkan aspek jaringan industri USM.

Kemampuan inovasi dan penyelidikan USM telah menghasilkan kemajuan yang membanggakan. Pusat-pusat kajian seperti Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) dan Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS), misalnya, berterusan memelopori penemuan baharu dan mengetengahkan pelancongan pendidikan dan arkeologi.


Kemajuan dalam bidang perubatan juga telah memanfaatkan pelbagai golongan masyarakat, seperti lahirnya klinik bergerak, pembedahan jantung dan implan, neurosains dan rawatan penyakit melalui herba. Begitu juga dengan kemajuan penyelidikan yang diketengahkan oleh penyelidik USM yang membantu merangsang dan mengekalkan kelestarian dan kesejahteraan kehidupan.

Dalam hal akademik, USM sekali lagi menjadi pelopor dengan menjadi universiti awam pertama di negara ini yang menawarkan kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dengan pengkhususan dalam "Business Analytics", bermula sesi akademik 2018/2019. Pada tahun



ini juga, USM telah melahirkan kumpulan graduan sulung program Sarjana Eksekutif dalam Kepimpinan Korporat.

Tahun 2019 turut menyaksikan banyak kisah berinspirasi tentang kegigihan pelajar USM yang berkorban demi menggenggam segulung ijazah dalam usaha memperbaiki taraf hidup. Meskipun dikekang dengan pelbagai cabaran seperti kekurangan upaya, kehilangan ahli keluarga, dan usia yang meningkat, tiada apa yang menghalang mereka untuk memulakan



“ Malah, kita perlu lebih bersiap siaga dengan cabaran dan jangkaan yang sudah semestinya lebih berat dalam usaha berterusan menterjemahkan agenda

Mentransformasikan Pendidikan untuk Kelestarian Hari Esok kepada pelan tindakan dan hasil.”

DR. HARI NARAYANAN

dan menyempurnakan program akademik yang ditawarkan oleh universiti. Setinggi-tinggi syabas diucapkan kepada mereka.

WARGA USM DAN USM@50

Warga USM yang terdiri daripada mahasiswa, staf dan alumni adalah tunjang dan nadi kepada institusi yang sentiasa diberi perhatian dan sokongan ke arah menzahirkan pencapaian mahasiswa, staf berkemampuan tinggi serta warga alumni yang terus kekal berbakti.

Program dan aktiviti yang menitikberatkan kebajikan pelajar dan staf tidak dilupakan. Sementara itu, mahasiswa USM berterusan mengekalkan rentak kecemerlangan pada tahun 2019 dengan pencapaian akademik, kokurikulum dan sukan di persada kebangsaan dan antarabangsa. Antara lain, mahasiswa USM telah memenangi pertandingan debat, rekaan, kreativiti dan inovasi, sukan karate dan memanah, serta anugerah kepimpinan pelajar dan penyelidikan siswa.

Staf dan warga alumni USM juga telah mendapat pengiktirafan apabila diamanahkan dengan pelantikan dan peranan penting di dalam dan di luar USM.

Program-program khas bagi meraikan penanda batu istimewa USM juga telah disempurnakan pada tahun 2019. Antaranya, larian obor, kayuhan basikal, konvoi bermotosikal, pelepasan 50 wau yang diiktiraf dalam Malaysia Book of Records, pelancaran 50 judul buku Penerbit USM, larian jubli dan aktiviti pendakian. Kemuncak kepada program ini adalah Upacara Konvokesyen Komemoratif 50 Tahun bersempena Upacara Konvokesyen ke-57 USM.

Masa untuk Refleksi, Bukan untuk Rehat

Sekarang bukan masanya untuk berehat. Apa pun kejayaan yang telah dicapai, itu bukan bermakna kita boleh leka dengan pencapaian ini. Malah, kita perlu lebih bersiap siaga dengan cabaran dan jangkaan yang sudah semestinya lebih berat dalam usaha berterusan menterjemahkan agenda “Mentransformasikan Pendidikan untuk Kelestarian Hari Esok” kepada pelan tindakan dan hasil.

Pengorbanan mereka yang telah berjasa dalam memperjuangkan visi dan misi USM tidak akan dilupakan, bermula daripada Naib Canselor pertama, Tan Sri Hamzah Sendut, staf-staf terawal, kumpulan pelajar pertama, penyelidik-penyelidik dan warga USM dari dahulu hingga ke hari ini. Bersama-sama kita bawa semangat tahun ke-50 ini untuk terus memacu USM ke hadapan. Semoga warga USM akan konsisten memikul nilai-nilai yang diperjuangkan bagi merencana masa hadapan generasi akan datang yang gemilang.







Sorotan Pencapaian



THE UNIVERSITY GLOBAL IMPACT RANKINGS 2019

USM NOMBOR SATU DALAM NEGARA, KE-49 DI DUNIA

USM adalah sebuah Universiti APEX yang konsisten memperjuangkan nilai-nilai kelestarian. Komitmen itu membuahkan hasil peringkat global apabila berada pada tangga ke-49 dalam Times Higher Education (THE) University Global Impact Rankings yang dikeluarkan untuk tahun 2019.

Selain menjadi universiti terbaik negara dalam ranking berkenaan, lebih membanggakan, USM berada pada kedudukan kedua terbaik dunia dalam SDG4, iaitu Pendidikan Berkualiti bagi University Global Impact Rankings 2019 by SDG (Matlamat Pembangunan Lestari) daripada 450 buah universiti dari 77 negara yang dinilai pada tahun ini.

Tahun ini adalah tahun pertama University Global Impact Rankings 2019 by SDG dinilai dan secara keseluruhan daripada 17 SDG, sebanyak 11 SDG dikenal pasti untuk dinilai.

Antara 11 SDG yang dinilai, USM berada pada kedudukan kedua di dunia untuk SDG4, iaitu Pendidikan Berkualiti, di belakang University of Gothenburg, Sweden manakala tempat ketiga disandang oleh Andrés Bello National University, Chile.

USM turut berada pada kedudukan yang tinggi untuk SDG10, iaitu Mengurangkan Ketaksamaan dan SDG11, Bandar dan Komuniti yang Lestari.

Pendidikan sentiasa menjadi teras USM, dan kejayaan yang telah dicapai USM adalah bukti kepada konsep pembudayaan dan penerapan agenda Universiti APEX yang lestari.

Kedudukan yang tinggi dalam SDG4 seterusnya membuktikan bahawa USM berada pada kedudukan terbaik daripada segi penyediaan

pendidikan kepada semua lapisan masyarakat, terutamanya kepada golongan dan komuniti B40.

Warga USM secara kolektif memainkan peranan penting dalam menjayakan visi dan misi universiti, didorong oleh komitmen dan budaya kecemerlangan, selari dengan idea untuk membawa USM ke persada dunia dan persada dunia ke USM.

Pencapaian ini juga penting dalam usaha universiti ke arah pembangunan sosioekonomi di samping menjadi sebuah universiti berteraskan penyelidikan.

Secara keseluruhan, USM berada pada tangga 50 terbaik untuk 3 SDG manakala 100 terbaik untuk 8 SDG yang lain.

“ Selain menjadi universiti terbaik negara dalam ranking berkenaan, lebih membanggakan, USM berada pada kedudukan kedua terbaik dunia dalam SDG4, iaitu Pendidikan Berkualiti bagi University Global Impact Rankings 2019 by SDG (Matlamat Pembangunan Lestari) daripada 450 buah universiti dari 77 negara yang dinilai pada tahun ini. ”



QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS

LONJAKAN SIGNIFIKAN UNTUK USM

Dalam senarai Quacquarelli Symonds World University Rankings (QS-WUR) 2020, USM mempamerkan peningkatan prestasi yang signifikan dengan lonjakan sebanyak 42 anak tangga berbanding senarai sebelum ini.

Dalam senarai ranking tersebut, USM berada pada kedudukan 165, peningkatan kedudukannya daripada 207 pada tahun sebelumnya.

Dalam tempoh lima tahun yang lepas, USM telah menunjukkan trend peningkatan dan mencapai antara kedudukan paling baik sepanjang tempoh tersebut. Ranking terbaharu ini menempatkan USM pada kedudukan 165 teratas daripada 1,001 institusi yang dianalisis.

“ USM telah menunjukkan peningkatan dalam 7 daripada 11 petunjuk, iaitu Reputasi Majikan, Fakulti, Pelajar, Staf Berkelayakan PhD, Rangkaian Penyelidikan Antarabangsa, Fakulti Antarabangsa, Pelajar Antarabangsa dan Pelajar Program Pertukaran dalam Negara. ”



Kejayaan itu menjadi lebih signifikan apabila USM pada tahun 2019 meraikan ulang tahunnya yang ke-50.

QS-WUR menggunakan enam petunjuk untuk menyenaraikan kedudukan dalam ranking, iaitu pengukuran reputasi akademik (40%), reputasi majikan (10%), fakulti/nisbah pelajar (20%), sitasi per fakulti (20%), dan nisbah fakulti antarabangsa dan pelajar antarabangsa (10%).

LONJAKAN DALAM RANKING ASIA

USM juga disenaraikan pada kedudukan ke-27 dalam senarai QS-WUR for Asian 2020, peningkatan sebanyak 6 anak tangga berbanding senarai terdahulu.

Kedudukan ini juga bermakna USM adalah antara 75 universiti terbaik dalam kalangan 557 universiti yang tersenarai di Asia, sebagaimana yang disenaraikan oleh QS.

Sejak tahun 2015, USM telah meningkat sebanyak 12 anak tangga.

USM telah menunjukkan peningkatan dalam 7 daripada 11 petunjuk, iaitu Reputasi Majikan, Fakulti, Pelajar, Staf Berkelayakan PhD, Rangkaian Penyelidikan Antarabangsa, Fakulti Antarabangsa, Pelajar Antarabangsa dan Pelajar Program Pertukaran dalam Negara.

Jumlah pencapaian sedemikian melayakkan USM mencapai skor keseluruhan sebanyak 74.9/100.

Pada tangga keenam di rantau ini, Rangkaian Penyelidikan Antarabangsa merupakan petunjuk terbaik bagi USM. Petunjuk ini mengukur kepelbagaian rangkaian global universiti dalam bentuk kolaborasi yang menjurus ke arah peningkatan jumlah penyelidikan berprofil dan berimpak tinggi pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, 21 daripada 29 universiti terbaik Malaysia telah menunjukkan peningkatan dalam senarai QS-WUR for Asian 2020, sekali gus membuktikan bahawa universiti-universiti di Malaysia telah menjadi semakin kompetitif, relatif kepada pesaing serantau.



USM JALIN IKATAN KOLABORASI DENGAN THE UNIVERSITY OF EDINBURGH

Delegasi USM yang diketuai oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, telah mengadakan lawatan kerja secara intensif ke The University of Edinburgh, Scotland, United Kingdom bagi berdiskusi dan meneroka peluang kerjasama strategik yang boleh dijayakan antara kedua-dua universiti.

Delegasi ke universiti tersebut turut disertai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USM, Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Pengarah Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO), Profesor Dr. Lee Keat Teong dan pensyarah dari Pusat IPv6 Termaju Negara, Dr. Yung-Wey Chong.

Dalam rangka lawatan tersebut, The University of Edinburgh diwakili oleh Profesor James Smith (Naib Presiden), Profesor Tom Bruce (International Dean College of Science and Engineering), Cik Audrey Kon (Regional Director Southeast Asia and Australasia), Dr. Christopher Beckett (pensyarah, School of Engineering), Dr. Yuner Huang (pensyarah, School of Engineering) dan Dr. Hwa Kian Chai (pensyarah, School of Engineering).



Kedua-dua pihak, antara lain, telah mengadakan perbincangan yang menjurus kepada tiga topik utama, iaitu program musim panas dan mobiliti, program PhD secara bersama, dan kolokium bersama ke arah mewujudkan jaringan kerjasama erat penyelidik USM dan The University of Edinburgh.

Buat masa ini USM dan The University of Edinburgh sedang bekerjasama rapat dalam projek bertajuk “Informational Database for Sustainable and Energy Efficient Materials in Sub-Saharan Africa (DEEMA)”, yang dibiayai oleh Royal Academy of Engineering, United Kingdom yang melibatkan kajian dengan tujuan untuk membangunkan pangkalan data bahan pembinaan dan alat analisis kitar hidup terjalih yang membolehkan arkitek dan jurutera untuk menggunakan tenaga terkandung (*embodied energy*) dan karbon dioksida terkandung (*embodied carbon dioxide*) dalam proses reka bentuk bangunan.

Kolokium anjuran bersama pula akan memberi penekanan kepada aspek pembangunan lestari dan akan menjadi batu loncatan ke arah lebih banyak kerjasama lain antara kedua-dua institusi masa hadapan.

The University of Edinburg tersenarai pada tangga ke-20 universiti terbaik dunia dalam QS-WUR 2020 dan pada tangga ketujuh universiti terbaik di Eropah dalam THE World University Rankings for Europe.

Kedua-dua Naib Canselor dan Naib Presiden institusi ini telah bersetuju untuk mematerai memorandum persefahaman (MoU) dalam masa terdekat bagi mengukuhkan jaringan kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



“ Bidang Business Analytics membantu menjawab, “Apa akan berlaku seterusnya?” (meramal) dan “Apa yang patut dilakukan?” (mencadangkan) melalui penggunaan statistik dan kaedah kuantitatif, alatan komputasi, serta model bagi meramal dan memberi penyelesaian yang disokong oleh data. ”



USM UNIVERSITI AWAM PERTAMA TAWARKAN PENGKHUSUSAN “BUSINESS ANALYTICS” BAGI KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN

USM telah diberi pengiktirafan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sebagai universiti awam pertama di Malaysia yang menawarkan kursus ijazah Sarjana Muda Pengurusan dengan pengkhususan dalam “Business Analytics”, bermula sesi akademik 2018/2019.

Kursus ini adalah cetusan pemikiran Pusat Pengajian Pengurusan (SOM) USM, yang telah berkolaborasi dengan MDEC sebagai rakan strategik. Pengkhususan dalam Business Analytics ini telah dirangka bersama dan merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia yang memanfaatkan input pakar dan pengamal industri bermula sejak awal lagi.

Kandungan kursus ini dirancang dengan mengambil kira keperluan dan kemahiran relevan dalam kemodenan dunia, terutamanya dalam menghadapi ketibaan era Industri 4.0, selain membantu USM melestarikan pembangunan dan penyelidikan dalam bidang perniagaan. MDEC mengunjurkan keperluan seramai 20,000 ahli profesional bidang data dalam beberapa tahun yang mendatang.

Penganalisis perniagaan dengan bakat hibrid mampu menarik perhatian organisasi yang mencari pekerja yang berkebolehan melaksanakan proses tugas secara menyeluruh. Kemahiran hibrid juga boleh berfungsi sebagai petunjuk kepada majikan bahawa bakat sebegini berupaya untuk terus belajar serta meningkatkan kemahiran sedia ada ataupun

yang baharu dalam suasana persekitaran perniagaan yang dinamik.

Dengan itu, kebolehpasaran seseorang akan meningkat dengan adanya kemahiran dan ilmu tentang Business Analytics kerana keupayaan bakat sebegini dapat memberi sumbangan besar kepada keseluruhan nilai entiti perniagaan.

Bidang Business Analytics melibatkan usaha mencari data dan memacu perancangan masa hadapan perniagaan dengan menterjemah sejumlah besar data kepada ilmu yang boleh dilaksanakan.

Bidang ini membantu menjawab, “Apa akan berlaku seterusnya?” (meramal) dan “Apa yang patut dilakukan?” (mencadangkan) melalui penggunaan statistik dan kaedah kuantitatif, alatan komputasi, serta model bagi meramal dan memberi penyelesaian yang disokong oleh data.

Kursus baharu ini juga melibatkan subjek-subjek seperti Machine Learning bagi aplikasi perniagaan, penyediaan serta visualisasi data, projek guna Business Analytics, Accounting and Finance Analytics, Applied Analytics dan Programming for Business Analytics yang akan mengubah pelajar menjadi profesional bidang Analytics.

USM MATERAI MOU DENGAN SHIRAZ UNIVERSITY OF TECHNOLOGY, IRAN

USM dan Shiraz University of Technology, Iran telah mematerai memorandum persefahaman (MoU) untuk membangunkan kerjasama akademik dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi, terutamanya dalam teknologi kejuruteraan.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, dan Canselor Shiraz University of Technology, Profesor M. M. Alavianmehr, ketika lawatan kerja Naib Canselor ke Iran.

Melalui MoU berkenaan, penyelidik dan ahli akademik dalam bidang teknologi kejuruteraan yang terkenal di dunia dari USM dan Shiraz University of Technology akan bekerjasama dan berkongsi idea bagi memperkukuhkan ilmu pengetahuan antara kedua-dua pihak.

Matlamat kolaborasi tersebut adalah untuk memperkasa bidang penciptaan, memindahkan ilmu pengetahuan baharu serta berkongsi kepakaran dalam bidang yang dikenal pasti.

Kerjasama ini dilihat mampu menghasilkan output yang akan memperkukuhkan hubungan bukan sahaja antara Malaysia dan

Iran, tetapi juga antara Pertubuhan Kerjasama Islam yang seterusnya akan menyumbang kepada kesejahteraan manusia sejagat.

Melalui kerjasama ini juga, dijangkakan akan berlaku lebih banyak pertukaran pensyarah dan pelajar secara intensif antara kedua-dua belah pihak, dalam usaha berterusan USM untuk membangunkan lebih ramai “warga global” melalui program “Satu Pelajar Satu Pasport”.

Naib Canselor dalam siri lawatannya juga menghadiri mesyuarat pertama ahli jawatankuasa Islamic World Science Citation Centre (ISC) Executive Committee dan 2nd International Conference and 13th National Conference of Quality Assessment in University System di Shiraz, Iran.



USM PERKUKUH KERJASAMA DENGAN NATIONAL UNIVERSITY OF MEDICAL SCIENCES, PAKISTAN



USM mengukuhkan kolaborasi dengan rakan strategik antarabangsa dari National University of Medical Sciences (NUMS), Lahore, Pakistan melalui memorandum persefahaman (MoU) yang dimaterai dalam satu majlis khas di USM.

MoU berkenaan antara lain menjadi simbolik kepada hubungan dua hala yang telah sedia terjalin antara kedua-dua pihak, khususnya dalam aspek mobiliti pelajar dan penyelidikan bersama. Kerjasama ini akan menjadi platform untuk meneroka pelbagai peluang kerjasama dan berkongsi manfaat melalui kekuatan yang ada pada kedua-dua pihak.

Naib Canselor USM, Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan menandatangani dokumen MoU berkenaan manakala NUMS pula diwakili Naib Canselornya, Leftenan Jeneral Syed Muhammad Imran Majeed. Majlis penandatanganan tersebut turut dihadiri pengurusan tertinggi kedua-dua universiti.

Dalam pada itu, pelajar-pelajar Pakistan kini menzahirkan minat mereka untuk menyambung pengajian khususnya pada peringkat ijazah lanjutan di USM, sekali gus

menunjukkan agenda pengantarabangsaan USM berjaya meningkatkan bilangan pelajar luar di universiti ini.

Hubungan baik dengan NUMS juga turut menzahirkan kepercayaan institusi berkenaan mengadakan kolaborasi dengan USM yang disifatkan sebagai destinasi terbaik untuk pelbagai agenda dalam memperkasa pencapaian mereka pada peringkat antarabangsa.

NUMS pada asasnya ditubuhkan untuk mengukuhkan pencapaian terbilang, khususnya dalam bidang pendidikan kesihatan, penyelidikan dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

NUMS turut ditubuhkan dengan fasiliti bertaraf antarabangsa dan dilengkapi rangkaian hospital tentera, 12 institut kepakaran, 10 kolej perubatan dan 4 kolej kejururawatan, menjadikannya antara universiti pengajar terbesar di Pakistan, khususnya dalam aspek trajektori dan kapasiti pesakit.

DUA PENGHUNI PENJARA IKUTI PENGGAJIAN SARJANA USM

TUNJUK SEMANGAT UBAH MASA HADAPAN

“Semua manusia berhak mendapat peluang kedua. Jangan menghukum dan menilai kami selamanya kerana kesalahan yang dilakukan itu mungkin hanya sekali dalam sepanjang hayat kami.”

Demikian antara harapan salah seorang penghuni Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang yang hanya mahu dikenali sebagai Ken, 34, yang kini sah bergelar pelajar rasmi USM yang akan mengikuti pengajian pada peringkat sarjana dalam bidang Pengurusan.

Ketika temu bual secara eksklusif bersama beliau, Ken menyifatkan kelonggaran yang diberikan oleh pihak penjara dengan kerjasama USM telah menguatkan semangatnya untuk terus menimba ilmu biar dirinya 24 jam berada di balik tirai besi sejak disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman penjara sejak 2011.

Malah, beliau berjaya menamatkan pengajian ijazah pertamanya dalam bidang Pengurusan Perniagaan di Open University Malaysia (OUM) juga ketika menjalani hukuman di Penjara Kajang dan menyifatkan keluarga adalah antara pendorong utamanya untuk keluar menjadi insan berguna dan mampu memberi sumbangan kembali kepada masyarakat.

“Kami berharap kejayaan ini akan mendorong lebih ramai penghuni penjara untuk terus mengejar cita-cita. Semua manusia melakukan kesilapan namun itu tidak bermakna kami tidak boleh berbuat baik dan diterima masyarakat.”

“Peluang ini juga telah mengubah hidup saya yang pernah berdepan masalah keyakinan diri sehingga tidak mampu berdepan dengan orang luar serta tidak lagi mampu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris walaupun fasih ketika bebas di luar satu ketika dulu,” ujarnya yang kini sedang dalam fasa akhir hukuman dan dijangka akan dibebaskan pada tahun 2021.



Rakan baiknya, Jep, 36, yang bergraduasi dengan Ijazah Sarjana Muda (Sains Politik) dari OUM juga berkata, beliau tekad untuk mengubah masa hadapan dengan mengikuti pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD).



“Saya mahu membalas jasa seluruh ahli keluarga saya khususnya ibu dan ayah yang tidak pernah jemu memberi sokongan dan kasih sayang walau di mana saya berada. Saya juga ingin membuktikan tiada yang mustahil untuk dilakukan jika berkesungguhan.”

“Pihak penjara juga banyak memberi sokongan dan peluang ini saya gunakan sebaiknya untuk mengejar apa yang saya inginkan.”

“*Semua manusia berhak mendapat peluang kedua. Jangan menghukum dan menilai kami selamanya kerana kesalahan yang dilakukan itu mungkin hanya sekali dalam sepanjang hayat kami.*”

“Saya berharap dengan keputusan untuk menyambung pengajian ini sekurang-kurangnya dapat membuat keluarga saya bangga dan gembira dengan diri saya walaupun pernah mengecewakan mereka,” tambah Jep yang sah menjadi pelajar Sarjana Sains Kemasyarakatan (Antropologi dan Sosiologi) dan menfokuskan dalam bidang Kriminologi.

Kedua-dua mereka bakal membuat penyelidikan di balik tirai besi menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak penjara seperti penggunaan talian internet bermula 8:00 pagi sehingga 4:00 petang setiap hari bekerja dengan pemantauan oleh pegawai penjara serta perbincangan bersama penyelia masing-masing dengan keizinan pengurusan penjara.

Mereka yang kini tinggal di dalam satu bilik mula memohon untuk menyambung pengajian di USM kerana reputasinya sebagai sebuah universiti yang terbaik di Asia.

KOLABORASI USM, ITD WORLD DAN FLEX LTD LAHIRKAN KUMPULAN PERTAMA GRADUAN SARJANA EKSEKUTIF DALAM KEPIMPINAN KORPORAT



Kumpulan pertama 18 graduan Master Eksekutif dalam Kepimpinan Korporat (Executive Master in Corporate Leadership – EMICL) telah menerima skrol masing-masing setelah melengkapkan perjalanan program selama 15 bulan yang ketat.

Program EMICL yang unik ini adalah satu inisiatif bersama antara universiti awam, USM melalui Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) dengan kerjasama entiti swasta, iaitu ITD World dan Flex Ltd. Pulau Pinang.

ITD World adalah syarikat pembangunan kepimpinan global, manakala Flex Ltd. adalah syarikat pembuatan teknologi multinasional.

Menurut Dekan GSB, Profesor Dr. Azlan Amran, program ini telah direka bentuk khusus untuk menjadi jambatan penghubung di antara pembelajaran teori dan aplikasi praktikal dalam dunia sebenar. GSB akan berkongsi kepakaran dan pengetahuan dalam memformulasikan modul-modul, dan bekerjasama dengan rakan strategik untuk membantu usaha negara dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja.

“ Program ini telah direka bentuk khusus untuk menjadi jambatan penghubung di antara pembelajaran teori dan aplikasi praktikal dalam dunia sebenar. GSB akan berkongsi kepakaran dan pengetahuan dalam memformulasikan modul-modul, dan bekerjasama dengan rakan strategik untuk membantu memenuhi usaha negara dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja. ”

Sementara itu, Chu Hor Ho dari Flex Ltd., dalam kenyataannya yang mewakili para graduan pula menyifatkan kursus berkenaan menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran dan pengaplikasian dalam kehidupan seharian dan di tempat kerja. Beliau juga amat menggalakkan pihak-pihak lain untuk turut serta mengikuti program berkenaan.

EMICL yang bermula pada September 2018, direka khas untuk eksekutif atau golongan pemimpin di Flex Ltd. yang ingin meningkatkan keupayaan pengurusan dan kepimpinan bagi membawa mereka ke tahap prestasi dan pencapaian yang lebih membanggakan.

Para pemimpin yang mendaftar dalam program ini perlu memenuhi 11 subjek dan satu kajian kes. Antara cabang utama yang

difokuskan adalah: komunikasi strategik; prinsip etika dalam pembuatan keputusan; sikap dan tingkah laku individu dan kumpulan; kuasa pemikiran dan bagaimana ia mempengaruhi pemikiran kreatif; kepentingan visi, misi dan strategi untuk kelestarian perniagaan yang membawa kepada kelebihan daya saing; data raya; dan pengurusan risiko perusahaan.

Sepanjang program tersebut, pemimpin dinilai secara individu. Kaedah penilaian termasuklah ujian ringkas, tugas individu dan berkumpulan, pembentangan, dan kajian kes bertulis.

Semua fasa pembelajaran telah dijalankan oleh pakar-pakar pengurusan yang berpengalaman selama bertahun-tahun dalam bidang akademik dan pengalaman industri.



PELAJAR ANTARABANGSA TERUJA SAMBUNG PENGAJIAN DI USM

Pergolakan di Kashmir, India tidak menghalang Arslan Mushtaq untuk meninggalkan keluarga tersayang bagi melanjutkan pengajian di USM.

Beliau percaya tuhan akan melindungi keluarganya di sana dan akan cuba untuk menghubungi mereka secara kerap walaupun tidak mempunyai talian telefon bimbit dan rangkaian internet kerana hanya bergantung kepada talian tetap.

“Saya memilih USM kerana kerap kali mendengar tentang kebaikan dan perkara positif mengenai USM daripada abang saya yang juga menuntut di sini dan bapa saudara saya juga seorang pensyarah di USM,” kata Arslan yang mendaftar untuk mengikuti pengajian dalam bidang Bahasa Inggeris untuk Profesional di Kampus Induk USM.



Bagi Max Aidan Mulhall-Biseth yang berasal dari Norway pula, beliau yakin ibunya sangat bangga dengan pilihannya untuk menyambung pengajian di USM kerana telah banyak membaca dan mendengar pengalaman daripada para alumni sekolah tinggi beliau yang juga telah melanjutkan pengajian di USM.

“USM adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang tersohor di dunia dalam pelbagai bidang,” tambah Max Aidan.

“Saya memang memilih untuk melanjutkan pengajian di luar lingkungan negara-negara Eropah kerana ingin menimba pengalaman baharu yang lebih mencabar serta telah membuat kajian awal tentang USM dan Pulau Pinang sebelum memohon untuk melanjutkan pengajian di sini,” kata Max Aidan, 19, yang mendaftar untuk mengikuti kursus Matematik Gunaan di USM.

Walaupun terpaksa menyesuaikan diri dengan cuaca dan persekitaran di Malaysia, Max Aidan yakin dengan pilihannya dan akan belajar bersungguh-sungguh.

“Emak saya juga seorang yang sentiasa mencabar diri dan telah melancong ke serata dunia pada usia yang muda, saya juga berhasrat untuk mengikut sepertinya,” tambah Max Aidan lagi.

Selain mereka, pelajar dari Algeria, Taki Eddine Torki pula berkongsi pengalaman pertamanya merasai suasana di Malaysia khususnya di Pulau Pinang dan berpendapat beliau tidak salah dalam memilih destinasi pengajian.

“Negara ini amat kaya dengan kehijauan dan indah. Masyarakatnya juga sangat baik dan ramah. Cuma yang sedikit memberi cabaran pada saya ialah makanannya yang pedas-pedas. Mungkin saya perlu lebih cepat mengadaptasi rasa makanan-makanan di sini supaya dapat menikmatinya,” kata beliau.

Eddine akan mengikuti pengajian dalam bidang sains komputer dengan memilih pengkhususan kepada subbidang keselamatan siber.



Arslan, Max Aidan dan Eddine adalah antara 237 pelajar antarabangsa dari 38 buah negara yang telah mendaftar di USM bagi Sidang Akademik 2019/2020. Negara-negara lain adalah Mesir, Rusia, Itali, Sri Lanka, Taiwan, Kanada, China, Arab Saudi, Indonesia, Bangladesh, Iran, Thailand dan Amerika Syarikat.

Untuk rekod, sejumlah 4,684 calon lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi/Diploma/Setaraf akan mendaftar di ketiga-tiga Kampus USM bagi mengikuti program ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa) pada Sidang Akademik 2019/2020. Pecahan ambilan pelajar mengikut kampus adalah Induk 3,268, Kejuruteraan 754 dan Kesihatan 662.

Jumlah ini telah meningkat sebanyak 1.5% (69 orang) berbanding tahun 2018. Bagi pengambilan pada tahun ini, sebanyak 68% pelajar baharu wanita dan 32% pelajar baharu lelaki telah didaftarkan.



PELAJAR USM MUNCUL TERBAIK DALAM ASEAN FOOD CONFERENCE

Seow Eng Keng, pelajar siswazah dari Pusat Pengajian Teknologi Industri, USM baru-baru ini telah mewakili Malaysia ke 16th ASEAN Food Conference 2019 (AFC2019) yang diadakan di Bali, Indonesia.

Usaha beliau yang memikat juri telah memberikan kemenangan tempat pertama dalam Pertandingan Kertas Penyelidikan Pelajar Siswazah Terbaik (GSRPC) di AFC2019 melalui pembentangan kajiannya yang bertajuk "Textural and Structural Breakdown Properties of Dodol as Influenced by Honey."

Dengan diselia oleh Profesor Dato' Dr. Azhar Mat Easa, Eng Keng mewakili Malaysia ke AFC2019 selepas muncul sebagai penyampai lisan terbaik dalam 11th National Food Science and Technology Competition yang diadakan pada tahun yang sama di Malaysia.



Sebagai sebahagian daripada AFC2019, GSRPC membawa bersama pelajar siswazah dari negara-negara ASEAN untuk membentangkan hasil tugas penyelidikan di samping menilai kemahiran persembahan mereka.

Objektif GSRPC adalah untuk menggalakkan dan menimbulkan minat terhadap penyelidikan berkaitan sains dan teknologi makanan, selain menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar pascasiswazah sains dan teknologi makanan di universiti tempatan yang terpilih untuk membentangkan kertas penyelidikan asal mereka yang berkaitan.

Para peserta kemudiannya perlu mengadakan forum untuk pelajar pascasiswazah daripada budaya yang berbeza di rantau ini untuk berinteraksi dan bertukar bidang pengetahuan dan penyelidikan.

AFC2019, dengan tema “Outlook and Opportunities of Food Technology and Culinary for Tourism Industry” turut menampilkan sesi teknikal yang memberi tumpuan kepada topik pemprosesan makanan, mikrobiologi makanan dan penapaian, teknologi pasca tuaian, keselamatan makanan, makanan organik dan makanan halal.

Ia menyatukan pakar, penyelidik dan saintis dalam bidang sains dan teknologi makanan di rantau ASEAN, dalam mengiktiraf kepentingan makanan untuk mengekalkan kehidupan yang sihat dan juga sebagai sokongan penting dalam pembangunan ekonomi.



USM PILIHAN PELAJAR CHINA

KUKUHKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU

USM menjadi pilihan destinasi pelajar dari negara tembok besar China untuk meneruskan pengajian peringkat tinggi apabila 60 orang pelajar dari pelbagai universiti di China mendaftar sebagai pelajar USM bagi Sidang Akademik 2019/2020.

Pelajar-pelajar dari China ini mengikuti pertukaran akademik antara universiti di China dengan USM selama dua semester tempoh pengajian.

Apa yang lebih menarik, mereka hadir dengan tujuan untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa kebangsaan Malaysia dan akan mengikuti pengajian Bahasa Melayu di USM selama tempoh tersebut.

Jiang Wenyue, 20, dari Guangxi University for Nationalities, berkata peluang untuk menjadi seorang warga kampus USM cukup dinantikan dan akhirnya impiannya termakbul.

“Pertama kali saya menjejakkan kaki di USM, sememangnya USM cukup hebat di samping pemandangan yang indah dan suasana kampus yang cukup harmoni membuatkan saya berasa selesa untuk mengikuti pengajian di sini,” katanya.

Tambahnya, sebelum datang ke USM, beliau sedikit sebanyak ada menyelidik mengenai USM, tambahan lagi USM mempunyai kerjasama strategik dengan Guangxi University for Nationalities.

“Saya dapat melihat USM amat menitikberatkan kebajikan dan pendidikan pelajar secara holistik dan ini peluang yang cukup berharga buat saya untuk menerokai kampus USM,” jelasnya lagi.

Begitu juga dengan Tang Wei yang berumur 20 tahun, pelajar dari Yunnan Minzu University ketika ditemu bual berkata, beliau mengenali USM melalui rakan-rakan senior yang mengatakan USM merupakan lokasi pengajian yang semestinya patut beliau pilih.

Purple Republic



“

Menjadi idaman saya untuk mengenali, memahami dan menjiwai kepelbagaian budaya yang dimiliki di Malaysia, lantas peluang selama dua semester di USM akan saya manfaatkan sepenuhnya mempelajari bahasa, budaya dan kepelbagaian etnik di sini. ”

Beliau yang fasih berbahasa Melayu berkata, kebolehan bertutur dan memahami percakapan membuatnya lebih mudah akrab dengan pelajar-pelajar tempatan dan seterusnya memahami budaya di Malaysia.

“Menjadi idaman saya untuk mengenali, memahami dan menjiwai kepelbagaian budaya di Malaysia, lantas peluang selama dua semester di USM akan saya manfaatkan sepenuhnya untuk mempelajari bahasa, budaya dan kepelbagaian etnik di sini,” jelasnya lagi.

Pada masa yang sama, Liu Quan Bin, 20, pelajar dari Xi'an International University, turut mengakui USM merupakan pilihan beliau yang amat tepat bagi meneruskan pengajian Bahasa Melayu di sini.

“Dengan suasana yang kondusif, pemandangan yang indah dikelilingi pokok-pokok dan taman membuatkan saya begitu selesa dan tenang apabila pertama kali hadir di kampus ini, dengan pelajar-pelajar tempatan di USM cukup ramah dan membantu segenap aspek sebelum kami dapat membiasakan diri dengan suasana pembelajaran USM,” jelasnya lagi.

Quan Bin turut berharap pada suatu hari nanti beliau dan rakan-rakan lain akan turut sama mempromosikan USM sebagai salah sebuah universiti terbaik di Malaysia yang semestinya menjadi destinasi dan pilihan pelajar-pelajar dari negara China.

GABUNGAN PAKAR HOSPITAL USM DAN HEALING LITTLE HEARTS, UK 11 PESAKIT JANTUNG KONGENITAL BERJAYA JALANI PEMBEDAHAN DALAM MASA 5 HARI



Menyantuni dan menjalankan pembedahan ke atas pesakit jantung kongenital saban tahun menjadi satu kepuasan kepada sekumpulan pakar di Hospital USM dan pasukan perubatan Healing Little Hearts (HLH) dari United Kingdom.

Menurut Penyelaras Program, Dr. Mohd Rizal Mohd Zain, pada tahun ini, seramai lapan orang pakar bedah dan kakitangan perubatan pelbagai bidang dari HLH seperti pakar bedah kardiotorasik pediatrik, kardiologi pediatrik, intensivis serta perfusionis telah berjaya melakukan 11 pembedahan ke atas pesakit yang berumur seawal 20 hari hingga 32 tahun dalam masa lima hari lawatan mereka ke Hospital USM.

Hospital USM sememangnya menjalankan pembedahan ke atas pesakit dengan masalah jantung kongenital tetapi terhad kepada kes-kes yang tidak kronik. Namun dengan bantuan pasukan HLH, ia membuka peluang kepada Hospital USM untuk melakukan pembedahan dan merawat kes yang lebih kompleks dan

juga kes kecemasan. Sebagai contoh, salah satu pembedahan yang dilakukan dalam program ini melibatkan kes kecemasan pesakit dari Terengganu.

Berdasarkan senarai, ada 20 hingga 30 pesakit yang sedang menunggu untuk menjalani pembedahan tetapi disebabkan pelbagai kekangan terutamanya kewangan, ramai yang terpaksa menunggu lama dan program HLH ini sangat membantu pesakit terutamanya golongan B40, namun setiap kes akan dilihat keperluan masing-masing.

Menurut Mohd Rizal, kos pembedahan pesakit jantung kongenital boleh mencecah sehingga RM50 ribu tetapi melalui program ini, pesakit tidak perlu menanggung kos rawatan yang tinggi kerana sebahagian besar kos tersebut ditanggung oleh sumbangan yang disalurkan menerusi Tabung Kebajikan Persatuan Alumni Doktor USM (PADUCare).

Apa yang lebih membanggakan, program kebajikan kardiotorasik pediatrik pada tahun ini turut mendapat kerjasama Yayasan Noor Al-Syakur (YANAS) yang diasaskan oleh Tengku Puan Temenggong Kelantan, PADUCare dan Ronald McDonald House Charities (RMHC). Sehingga ke hari ini, seramai 71 pesakit jantung kanak-kanak berjaya menjalani pembedahan hasil kerjasama antara Hospital USM dengan HLH sejak 2015.

Sementara itu, satu majlis ringkas penyerahan sumbangan YANAS kepada PADUCare telah diadakan di Hospital USM bagi memperkenalkan pasukan pakar yang terlibat. YANAS yang diwakili oleh Setiausaha Yayasan, Mohd Affendi Mohd Amin menyerahkan replika cek sumbangan berjumlah RM15,700 sebagai penajaan penginapan pakar HLH sepanjang mereka berada di Hospital USM.



“
Sehingga ke hari ini,
seramai 71 pesakit
jantung kanak-kanak
berjaya menjalani
pembedahan hasil
kerjasama antara
Hospital USM dengan
HLH itu sejak 2015.”



USM JALIN KOLABORASI DENGAN PUSAT KANSER TERKEMUKA DUNIA

Dalam usaha menyumbang kepada perkembangan rawatan dan kajian kanser di Malaysia, USM melalui Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) telah menjalinkan kolaborasi dengan The Christie NHS Foundation Trust (CNFT), Manchester, United Kingdom yang merupakan salah sebuah pusat rawatan, pengajaran dan penyelidikan kanser terkemuka dunia dan terbesar di Eropah.

Majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara USM dan CNFT telah diadakan semasa majlis perasmian 2nd AMDI International Oncology and Medical Physics Symposium 2019. USM diwakili oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, manakala CNFT diwakili oleh Pengarah Pendidikan, Profesor Richard Cowan dan disaksikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Melalui kolaborasi ini, USM dan CNFT buat julung kalinya di Asia menganjurkan The Christie Fellow Royal College of Radiologists (FRCR) Part 2B Clinical Oncology Preparatory Course, iaitu kursus persediaan untuk peperiksaan akhir kepakaran dalam bidang onkologi klinikal di United Kingdom yang bertujuan untuk memberikan persediaan dan pendedahan kepada calon sebelum menduduki peperiksaan FRCR Part 2B Clinical Oncology yang sebenar.

Kursus The Christie FRCR 2B Preparation Course telah diadakan di IPPT pada 27–28 Februari, dan telah mendapat penyertaan seramai 15 orang peserta dari dalam dan luar negara. Pemeriksa bagi kursus ini merupakan perunding berpengalaman dari CNFT dan pakar perunding tempatan dari Asia termasuk Malaysia yang berpengalaman dalam FRCR sebelumnya.

Kolaborasi ini merupakan satu pengiktirafan kepada USM khususnya dan juga kepada Malaysia amnya kerana mendapat kepercayaan pihak CNFT untuk menjadi tuan rumah kepada kursus ini. Diharapkan melalui kerjasama IPPT dan CNFT ini juga, lebih banyak kursus onkologi dapat disediakan dalam usaha melahirkan lebih ramai pakar onkologi pada masa akan datang.

USM, HALAL PENANG JALIN KERJASAMA BANGUNKAN FARMAKOPOEIA HALAL PERTAMA DI DUNIA

USM dan Penang International Halal Hub Development Sdn. Bhd. (Halal Penang) baru-baru ini mematerai memorandum persefahaman (MoU) yang memberi tumpuan kepada usaha membangunkan farmakopoeia halal pertama di dunia. Exco Perdagangan Antarabangsa dan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan merangkap Pengerusi Halal Penang, Dato' Haji Abdul Halim Haji Hussain, berkata menerusi kerjasama ini juga, sebuah pusat sehenti (*one-stop centre*) berkaitan industri halal di Malaysia akan diwujudkan.

Menurutnya, pusat sehenti tersebut akan memainkan peranan dalam menyediakan latihan dan pembangunan modul berkaitan halal untuk sekolah dan institusi pengajian tinggi, menyediakan perkhidmatan makmal untuk produk atau perkhidmatan halal serta menawarkan pengetahuan dan kepakaran teknikal halal kepada komuniti tempatan dan antarabangsa.

Fokus utama adalah untuk membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana kerana mereka memerlukan rujukan bagi menembusi pasaran halal. Memandangkan penyelidikan memerlukan banyak modal dan mereka tiada kapasiti untuk berbuat demikian, maka kewujudan pusat penyelidikan ini dapat memberikan manfaat kepada para usahawan.

Naib Canselor USM, Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan menyambut baik kerjasama ini dan menyifatkan MoU ini sebagai penggalak dan pendorong untuk meningkatkan kerjasama yang telah sedia berlangsung antara USM dan Halal Penang. Beliau berharap agar kedua-dua institusi akan saling bantu membantu dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dikenal pasti oleh semua pihak demi kebaikan bersama. Beliau yakin, usaha murni ini dapat merencanakan lagi pembangunan sektor halal di Malaysia. MoU ditandatangani oleh Profesor Dr. Faisal Rafiq dan Dato' Haji Abdul Halim.

Sementara itu, Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Profesor Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman berkata, MoU ini memberikan penumpuan kepada bidang penyelidikan farmakopoeia halal, mewujudkan pusat sehenti peringkat global dalam pelbagai aspek halal dan juga menawarkan rangkaian perkhidmatan ujian makmal produk halal.

“ MoU ini memberikan penumpuan kepada bidang penyelidikan farmakopoeia halal, mewujudkan pusat sehenti peringkat global dalam pelbagai aspek halal dan juga menawarkan rangkaian perkhidmatan ujian makmal produk halal. ”

Usaha ini adalah untuk membantu masyarakat dan industri dalam menyenaraikan semua bahan kimia dan bukan kimia yang diguna pakai di seluruh dunia bagi pelbagai aspek dalam bidang farmaseutikal. Oleh itu, orang ramai tidak perlu lagi merujuk bahan rujukan sebelum membeli sesuatu produk.

Pada majlis yang sama, turut dilancarkan Kluster Penyelidikan Halal Studies in Services, Research and Training (HaSRaT), iaitu kumpulan penyelidikan yang telah ditubuhkan pada tahun 2017 atas inisiatif Pejabat Nexus (Sains) USM. Memandangkan potensi kumpulan ini untuk memacu pembangunan industri halal dan penyelidikan ke peringkat lebih tinggi, ia dijadikan satu Kluster Penyelidikan Maya pada tahun 2018. Matlamat utama HaSRaT adalah untuk menjadi satu pusat kecemerlangan bagi penyelidikan dan perkhidmatan halal yang terkenal bukan sahaja di rantau ini tetapi juga pada peringkat global.



LIM WAY FOONG

adalah salah seorang daripada tiga penerima anugerah yang berjaya daripada 93 saingan penyelidik wanita seluruh negara

LIM WAY FOONG TERIMA ANUGERAH L'OREAL-UNESCO UNTUK WANITA DALAM SAINS

Dr. Lim Way Foong, penyelidik dari Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano Optoelektronik (INOR), telah menerima Anugerah L'Oreal-UNESCO For Women in Science – Malaysia National Young Talents Programme 2019. Kemenangan ini adalah manifestasi kecekalannya menjalankan kajian dan penyelidikan. Kajian beliau yang bertajuk “VioLEDs – Healthy Artificial Lighting” menerima geran sebanyak RM30,000.

Bagi Way Foong, “Anugerah ini adalah satu platform untuk para saintis wanita menonjolkan bakat dalam bidang sains serta sebagai motivasi untuk terus menjalankan kajian dan penyelidikan di samping membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan komuniti di dalam dan di luar negara.”

Anugerah L'Oreal-UNESCO for Women in Science adalah pengiktirafan kepada wanita yang terlibat dalam kajian bidang sains. Ia merupakan insentif untuk menggalakkan lebih ramai wanita menceburi dan mendalami bidang sains.





IPPT USM TAWAR KEPAKARAN RAWATAN PENYAKIT KURANG DAYA IMUN

Institut Perubatan dan Pergigian Ter maju (IPPT), USM telah berjaya melancarkan Perkhidmatan Rawatan dan Diagnostik Penyakit Imunodefisiensi Primer (PID).

Perkhidmatan ini menjadikan IPPT sebagai institusi pertama di negara ini yang mempunyai kumpulan PID yang lengkap terdiri daripada pakar kanak-kanak imunologi dan pakar penyelidik, serta menjadi rujukan bagi penyakit tersebut di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dan juga di Kelantan dan Terengganu.

Secara ringkasnya, PID adalah penyakit kurang daya imun sejak lahir disebabkan oleh beberapa faktor seperti genetik. Penyakit ini boleh menyebabkan penghidapnya mudah jatuh sakit sekiranya terdedah kepada sebarang kuman atau virus.

Simbolik pelancaran perkhidmatan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman semasa Program Karnival Hari Kanak-kanak Sedunia Peringkat Seberang Perai Utara 2019 di mana IPPT telah menjadi tuan rumah.

Menurut Pengarah IPPT, Profesor Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman, masih ramai masyarakat yang kurang mengetahui tentang penyakit ini, mungkin kerana ia kurang popular berbanding penyakit lain. Namun, penyakit ini mampu memberi ancaman dan boleh membawa maut jika tidak diubati.

IPPT mengambil langkah untuk mewujudkan perkhidmatan ini dengan tujuan untuk membantu mereka yang memerlukan, dan rawatan seawal mungkin dapat



menyelamatkan nyawa sekiranya disahkan menghidap PID. Tidak banyak hospital di negara ini yang menawarkan perkhidmatan PID dan IPPT berbangga apabila dapat menjadi pakar rujukan serta mempunyai fasiliti untuk membantu masyarakat.

Difahamkan, kesedaran berhubung penyakit ini masih rendah berikutan hanya 50 pesakit sahaja kini didiagnos menghidap PID di negara ini berbanding di luar negara apabila kadar menunjukkan seorang penghidap dalam setiap 58,000 kelahiran.

“Perkhidmatan ini menjadikan IPPT sebagai institusi pertama di negara ini yang mempunyai kumpulan PID yang lengkap terdiri daripada pakar kanak-kanak imunologi dan pakar penyelidik, serta menjadi rujukan bagi penyakit tersebut di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dan juga di Kelantan dan Terengganu.”




HARI TERBUKA MASJID USM PUPUK SEMANGAT KEHARMONIAN ANTARA AGAMA

Penganjuran Hari Terbuka Masjid Al-Malik Khalid (Mosque Open Day 2019) yang dianjurkan saban tahun sejak 2015 menggambarkan keharmonian antara agama yang mempromosikan nilai-nilai sejagat dan kedamaian dalam beragama.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni USM, Profesor Dr. Aldrin Abdullah berkata semangat dan cintakan kedamaian dan

keharmonian antara agama dan bangsa amat dititikberatkan oleh USM agar para pelajar mahupun warga kampus sentiasa dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam keadaan baik dan selamat. Beliau hadir mewakili Naib Canselor USM bagi merasmikan Mosque Open Day 2019 di dataran Masjid Malik Al-Khalid, USM.



“ Semangat dan cintakan kedamaian dan keharmonian antara agama dan bangsa amat dititikberatkan oleh USM agar para pelajar mahupun warga kampus sentiasa dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam keadaan baik dan selamat. ”

USM sentiasa memberi penekanan kepada kebajikan para pelajar tanpa mengira kepercayaan, dan dalam era perubahan dan ketidakpastian masa kini, peranan Pusat Islam USM dilihat berkembang mengikut isu semasa, lebih-lebih lagi dalam mempromosikan nilai universal kemanusiaan dan kedamaian. Kejadian di New Zealand baru-baru ini adalah gambaran sejauh mana jurang perkauman dan keagamaan telah berlaku dalam banyak masyarakat di dunia hari ini.

Pada masa yang sama, banyak provokasi antara pengikut agama yang berbeza dan rakyat yang menimbulkan persepsi yang tidak baik dalam masyarakat, terutamanya untuk negara berbilang kaum seperti Malaysia. Oleh itu, aktiviti bersifat keagamaan dan kemasyarakatan seumpama ini adalah penting agar setiap rakyat Malaysia memahami kepelbagaian yang wujud sebagai sebahagian daripada identiti masyarakat Malaysia itu sendiri.

Pada majlis yang sama, Profesor Dr. Aldrin sempat menyampaikan sumbangan kepada seramai 40 orang golongan asnaf fakir miskin berbilang bangsa terdiri daripada kalangan pelajar USM dan kariah sekitar kawasan USM.



PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL USM SAMBUT ULANG TAHUN KE-10 TAPAK ARKEOLOGI SUNGAI BATU BERSAMA KOMUNITI

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM telah menyambut ulang tahun ke-10 penemuan dan program eskavasi tapak arkeologi di Sungai Batu, Merbok, Kedah bersama warga komuniti setempat.

Program Arkeologi dan Komuniti atau Libat Sama Komuniti Arkeologi tersebut telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Merbok, Puan Nor Azrina Surip yang turut merasmikan Laman Arkeologi yang dilengkapi pustaka untuk menghimpunkan penyelidikan dan terbitan berkaitan arkeologi Kedah Tua, tapak model eskavasi untuk latihan para pelawat dan pelancong (arkeopelancongan) serta makmal sains untuk menjalankan analisis artifak arkeologi. Pelaksanaan program ini amat penting kerana komuniti setempat mampu memberi sumbangan besar terhadap kelestarian tapak ini khususnya dari sudut pemeliharaan warisan sejarah.

Naib Canselor USM, Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan yang pertama kali menjejak kaki ke tapak ini melahirkan rasa teruja dengan semua tapak yang dilawati dan berharap ia menjadi satu tarikan bagi pelajar untuk memupuk rasa cinta pada bidang sains dan bukan sains serta mengimbangkan kuota kemasukan pelajar sains dan sastera ke institut pendidikan tinggi di Malaysia.

Program ini meninggalkan impak yang besar, iaitu meningkatkan jumlah pelancong ke tapak, meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti setempat dan mengukuhkan jalinan kerjasama badan kerajaan dan juga bukan kerajaan.





“

Naib Canselor berharap ia menjadi satu tarikan bagi pelajar untuk memupuk rasa cinta pada bidang sains dan bukan sains serta mengimbangkan kuota kemasukan pelajar sains dan sastera ke institut pendidikan tinggi di Malaysia.”

Turut hadir Pengarah PPAG, Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin, wakil Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah Kuala Muda dan Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk lawatan berpandu ke setiap tapak di Kompleks Arkeologi Sungai Batu, eksperimen membuat bata, melebur besi dan permainan membuat replika artifak arkeologi di samping penjualan produk komuniti seperti makanan kering, kraf tangan dan senjata tradisional.



USM-RIKEN PERKASA KERJASAMA AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN


RIKEN, Jepun terus memilih USM sebagai rakan strategik kolaborasi melalui pembaharuan memorandum perjanjian (MoA) yang ditandatangani pada tahun 2019 selepas hampir 30 tahun dalam membangunkan penyelidikan dan melahirkan ahli akademik berwibawa di rantau Asia, menghasilkan lebih 30 graduan PhD dan 60 kertas ilmiah penerbitan secara bersama.

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail berkata, kerjasama yang sedia terjalin selama 30 tahun sebenarnya mampu ditingkatkan lagi jika institusi USM-RIKEN dapat ditubuhkan di kampus USM bagi manfaat bersama dalam dunia pendidikan tinggi dan penyelidikan. Langkah ini dapat menempatkan tenaga penyelidik, sumber ilmu dan mahasiswa daripada kedua-dua institusi di bawah satu bumbung; memandangkan USM-RIKEN International Centre for Ageing Science (URICAS) kini masih sebuah pusat maya (*virtual centre*) ditambah pula kumpulan penyelidik USM-RIKEN adalah antara yang terbaik di USM.

Beliau turut berharap agar kerjasama antara USM dan RIKEN selepas ini bertumpu kepada topik dan bidang penuaan, memandangkan Jepun memang terkenal di seluruh dunia dengan bilangan masyarakat warga emas sihat yang tinggi. Hampir semua negara di dunia termasuk Malaysia akan menjadi 'negara tua' dalam dekad yang akan datang, yang memerlukan kita semua bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai isu yang bakal timbul; di sini kerjasama USM-RIKEN dapat menerajui kajian asas berkenaan penuaan dalam menangani isu-isu tersebut.

Pengarah Eksekutif (Kolaborasi Penyelidikan) RIKEN Profesor Motoko Kotani turut berterima kasih kepada semua penyelidik USM dan RIKEN yang telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua institusi selama ini. Pihak RIKEN sentiasa mengalu-alukan kedatangan dan pertukaran tenaga akademik mahupun pelajar USM dalam usaha meningkatkan kualiti

akademik dan penyelidikan kedua-dua buah negara yang kini semakin mencabar untuk diterokai.



“ Hampir semua negara di dunia termasuk Malaysia akan menjadi 'negara tua' dalam dekad yang akan datang, yang memerlukan kita semua bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai isu yang bakal timbul; di sini kerjasama USM-RIKEN dapat menerajui kajian asas berkenaan penuaan untuk menangani isu-isu tersebut. ”



USM KONGSI ILMU ICT DAN TEKNOLOGI BERSAMA ORANG ASLI SUNGAI SIPUT, PERAK

USM meneruskan agenda membantu dan mengupayakan golongan terkebahawah dengan mengadakan Program Libat Sama Universiti-Komuniti bersama masyarakat orang asli di Sekolah Kebangsaan Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak baru-baru ini.

Menurut Pengarah Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia (PTPM), Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya, program tersebut dianjurkan oleh PTPM dengan kerjasama Kumpulan Siswa Siswi Darul Ridzuan (KUSISDARI) USM dan merupakan program siri yang ke-10 penjelajahan ke beberapa kawasan penduduk orang asli di sekitar Semenanjung Malaysia.

Objektif program tersebut adalah untuk memindahkan ilmu ICT dan teknologi kepada golongan terkebahawah, selain mewujudkan jaringan kerjasama dan penglibatan antara universiti dan masyarakat orang asli di negara ini khususnya di negeri Perak Darul Ridzuan.

Proses pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada masyarakat orang asli tersebut melibatkan pendedahan ICT melalui pengajaran modul. Antara modul yang diajar adalah teknik mengambil gambar atau imej produk, menambah baik kualiti imej menggunakan aplikasi Picasa, membuka akaun e-mel, serta membuka dan mereka bentuk blog atau laman sosial Facebook dengan tujuan memasarkan produk kraf tangan dan pertanian secara dalam talian.

Semua aktiviti yang didedahkan hanya menggunakan telefon bimbit peserta. Fasilitator yang terlibat terdiri daripada siswa dan siswi KUSISDARI yang telah dilatih khusus untuk memindahkan ilmu dan pengetahuan teknologi ICT secara one-to-one bagi mendapatkan kualiti penyampaian yang terbaik. Peserta pula merupakan belia yang telah dipilih oleh tok batin (penghulu) beberapa perkampungan di sekitar. Selain itu, aktiviti

sukaneka dan melukis mural turut dijalankan bersama murid-murid Sekolah Kebangsaan Pos Kuala Mu.

Pengarah projek, Ahmad Heidey Iskandar Mohd Rayhan, pelajar tahun dua Pusat Pengajian Pengurusan, USM berkata program tersebut dapat memberi pengalaman berguna pada siswa dan siswi USM dalam mewujudkan masyarakat yang memiliki keperibadian yang bersepadu dari segi rohani, akidah dan jasmani, bertanggungjawab, serta bersemangat sukarela dan patriotik untuk menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara; selari dengan visi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program Libat Sama Universiti-Komuniti ini disertai seramai 38 orang pelajar USM dan 7 orang staf PTPM. Siri 1 hingga siri 7 Program Libat Sama Universiti-Komuniti ini telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan juga Anugerah Cemerlang UCTC bagi kategori Teknologi dan ICT pada 15 Ogos 2015.





MUHAMMAD NAJMI UDDIN NASRI, OKU CEMERLANG HASIL BANTUAN DIDIKAN ILMU KEUSAHAWANAN USM

Seorang pelatih program Latihan Pekerjaan orang kelainan upaya (OKU) Intelek, Muhammad Najmi Uddin Nasri, 20, berjaya memiliki nurseri sendiri hasil titik peluhnya selepas mengikuti program tersebut yang dianjurkan oleh USM. Ayahnya, Nasri Awang Hamat, 52 sangat berterima kasih kepada USM terutamanya Unit Transformasi OKU yang banyak membantu anak beliau untuk memiliki nurseri yang mempunyai pokok buah-buahan dan juga bunga seluas 0.5 ekar.

Muhammad Najmi Uddin menunjukkan minat yang mendalam dalam penjagaan pokok dan tumbuh-tumbuhan sejak kecil lagi. Selama lebih kurang setahun mengikuti latihan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di Kubang Kerian, Kelantan, beliau

menunjukkan banyak perubahan dan boleh berdikari dalam urusan penjagaan pokok di nurserinya. Muhammad Najmi Uddin dipilih sebagai graduan terbaik negeri Kelantan daripada sejumlah 27 graduan OKU Intelek dari negeri tersebut yang bergraduasi dalam Majlis Pengiktirafan Tamat Latihan Pekerjaan OKU Intelek USM yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Encik Mohd Fazari Mohd Salleh.

Selain Muhammad Najmi Uddin, seorang lagi graduan yang dipilih sebagai graduan terbaik ialah Muhamad Irwan Helmi Idris, 19, yang kini bekerja sebagai pembantu dapur di restoran makanan segera di Simpang Empat, Pulau Pinang. Beliau yang mempunyai masalah

dalam pembelajaran, dipilih dalam kalangan 16 graduan dari negeri Pulau Pinang. Sejumlah 43 orang OKU telah diraikan pada Majlis Pengiktirafan Tamat Latihan Pekerja OKU Intelek yang diadakan di USM.

Menurut Pensyarah Kanan Terapi Carakerja (Occupational Therapy), Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK), Dr. Mohd Zulkifli Abdul Rahim, USM telah menjalankan program latihan pekerjaan tersebut di Kampus Kesihatan, USM, Kelantan sejak tahun 2012 yang diketuai oleh beliau dan dibantu oleh penyelaras projek, Masliza Yazid. Buat pertama kalinya setelah 5 tahun dijalankan di Kelantan, projek ini berjaya dikembangkan ke Pulau Pinang dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Tenaga Kerja di Kelantan dan Pulau Pinang.

USM telah membuktikan bahawa program latihan pekerjaan yang diperkenalkan berkesan dalam melatih OKU untuk bekerja dalam masa yang singkat, iaitu antara 3 hingga 12 bulan, dan telah berjaya mengubah kehidupan OKU Intelek sehingga ada antara mereka yang menjadi sumber rezeki kepada keluarga.

Dalam perkembangan lain, USM yang peka kepada kepentingan mempelajari ilmu dan selok-belok perniagaan, melalui Pusat Keusahawanan Universiti (EpiC@USM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, telah menganjurkan program pemindahan ilmu dan pemerksaan kemahiran kepada OKU di sekitar Pulau Pinang.


Melalui bengkel yang dianjurkan golongan OKU yang mengambil bahagian berpeluang untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan mempelajari pelbagai kemahiran keusahawanan daripada fasilitator yang terdiri daripada staf USM yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan. Program seperti ini diharap dapat mentransformasikan minda komuniti OKU untuk menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada mereka.



“ USM telah membuktikan bahawa program latihan pekerjaan yang diperkenalkan ini berkesan untuk melatih OKU bekerja dalam masa yang singkat iaitu antara 3 hingga 12 bulan dan telah mengubah kehidupan OKU Intelek sehingga ada antara mereka yang menjadi sumber rezeki kepada keluarga. ”







Kerwangan

67

LAPORAN KEWANGAN

PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN

Universiti telah menguruskan operasi tahun 2019 seperti yang dirancang selaras dengan perancangan yang telah diatur bagi mencapai objektifnya. Polisi pembiayaan Kerajaan Persekutuan telah memberi impak dalam mengatur strategi kewangan Universiti bagi memastikan kelestarian kewangannya.

STRATEGI BELANJAWAN

Belanjawan 2019 telah dirangka bertemakan **Melestarikan Ekosistem Universiti Demi Kelestarian Masa Hadapan** dengan misi: Mengurangkan Kos, Meningkatkan Keberkesanan dan Pertumbuhan Universiti. Strategi yang telah dirancang untuk merealisasikan matlamat ini adalah melalui beberapa pendekatan seperti penjimatan kos operasi, peningkatan hasil dan mengoptimimumkan sumber Universiti.

Belanjawan 2019 juga dirangka untuk menampung keperluan operasi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program dan aktiviti utama Universiti, iaitu akademik dan antarabangsa, penyelidikan dan libatsama industri-komuniti, pembangunan pelajar dan alumni, pembangunan institusi dan kelestarian dan sebagainya. Belanjawan ini menyokong pencapaian kecemerlangan Universiti dengan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang terbaik.

Tumpuan utama belanjawan adalah untuk memenuhi dan melengkapkan keperluan asas utama serta fungsi perkhidmatan utama Universiti termasuk Hospital USM.

STRATEGI KEMAMPAHAN KEWANGAN

Kelestarian kewangan adalah merupakan tunjang utama dalam memastikan visi Universiti tercapai. Strategi yang telah dilaksanakan untuk melestarikan kewangan bagi tahun 2019 bukan sahaja memberi penekanan kepada meningkatkan penjanaan pendapatan, tetapi turut menyasarkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan Universiti. Inisiatif yang dijalankan di bawah strategi tersebut adalah seperti berikut:

- 1 Penjanaan Pendapatan
 - Penetapan, pemantauan dan pencapaian KPI bagi penjanaan pendapatan untuk setiap pusat tanggungjawab akademik dan bukan akademik;
 - Mengguna pakai manual perniagaan bagi semua aktiviti perniagaan di semua pusat tanggungjawab akademik dan bukan akademik;
 - Meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa dengan melantik ejen, mewujudkan *Buddy System (student-gets-students)* dan memeterai *Memorandum of Understanding (MoU)* bersama agensi-agens di luar negara yang membawa pelajar antarabangsa ke USM;
 - Pengkomersilan idea, hasil penyelidikan dan produk;
 - Mengkaji semula yuran, kadar dan kos per pelajar untuk mencapai *full cost recovery*;
 - Menjalinkan usaha sama strategik antara USM dengan institusi luar negara; dan
 - Mempelbagaikan sumber pendapatan USM dengan menjana wakaf (diuruskan oleh Pejabat Zakat,

Wakaf dan Infaq, ZAWAIN) serta sumbangan dan dana endowmen berbentuk hadiah, biasiswa, derma dan lain-lain.

2 Pengoptimuman Sumber

Inisiatif-inisiatif penjimatan dan mengoptimumkan sumber sedia ada telah dilaksanakan pada tahun 2019, yang meliputi aktiviti penjimatan dan rasionalisasi kos seperti berikut:

- Kajian semula dan penambahbaikan berterusan terhadap kecekapan dan keberkesanan operasi sedia ada;
- Penambahbaikan kaedah perolehan untuk mencapai nilai terbaik dengan harga, selaras dengan Polisi Perolehan Hijau (*Green Procurement*); dan
- Pengoptimuman ruang dan sumber.

PENCAPAIAN PENYATA KEWANGAN 2019

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

USM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima **Sijil Tanpa Teguran** daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia berakhir pada 31 Disember 2019.

PRESTASI KEWANGAN 2019

Penyata Kewangan yang disediakan merupakan penyata yang disatukan antara Universiti dengan anak syarikat milik penuh Universiti iaitu USAINS Holdings Sdn. Bhd. Pengurusan kewangan Universiti termasuk Hospital USM dibuat berdasarkan Kumpulan Wang (*Fund*) yang terdiri daripada Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Am dan Enterprise.



AKAUN KUMPULAN

Pendapatan


Pendapatan Kumpulan pada tahun 2019 berjumlah RM1,456.05 juta berbanding RM1,397.61 juta pada tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak RM58.44 juta (4.2%). Daripada jumlah pendapatan tersebut, sebanyak RM1,073.18 juta (73.7%) ialah geran kerajaan, RM151.33 juta (10.4%) ialah yuran pelajar, RM29.11 juta (2.0%) ialah perkhidmatan hospital dan RM202.43 juta (13.9%) ialah pendapatan lain.

Perbelanjaan

Perbelanjaan Kumpulan pada tahun 2019 berjumlah RM1,435.40 juta berbanding RM1,440.57 juta pada tahun 2018, iaitu menurun sebanyak RM5.17 juta (0.4%). Daripada jumlah ini, sebanyak RM836.21 juta (58.3%) adalah untuk perbelanjaan

emolumen, RM58.60 juta (4.1%) untuk perbelanjaan perhubungan dan utiliti, RM89.53 juta (6.2%) untuk bekalan perubatan kesihatan dan pergigian, RM92.67 juta (6.5%) untuk perkhidmatan iktisas dan hospitaliti, RM14.35 juta (1.0%) untuk pembelian harta modal, RM123.71 juta (8.6%) untuk peruntukan susut nilai aset dan RM220.33 juta (15.3%) untuk perbelanjaan lain.


Secara keseluruhannya, terdapat lebih pendapatan Kumpulan selepas cukai sebanyak RM18.73 juta pada tahun 2019 berbanding kurangan pendapatan selepas cukai RM43.71 juta pada tahun 2018. Lebih ini disumbangkan oleh peningkatan pendapatan yang dijana di samping penurunan dalam perbelanjaan Kumpulan.




RAJAH 1 Perbandingan Geran Kerajaan, Pendapatan Selain Geran dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2018 dan 2019

Aset dan Liabiliti


Jumlah aset pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1,512.71 juta berbanding RM1,579.36 juta pada tahun 2018, menurun sebanyak RM66.65 juta (4.2%), manakala jumlah liabiliti semasa berjumlah RM107.79 juta berbanding RM128.82 juta pada tahun 2018, menurun sebanyak RM21.03 juta (16.3%).




RAJAH 2(a) Aset Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2018



RAJAH 2(b) Aset Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2019



RAJAH 2(c) Liabiliti Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2018



RAJAH 2(a) Liabiliti Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2018


PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG

Kerajaan menyalurkan geran bantuan bagi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah Universiti Penyelidikan. Kumpulan Wang Amanah pula adalah Akaun Amanah yang ditubuhkan berasaskan Surat Ikatan Amanah dan menerima sumber dana daripada pemberi amanah. Manakala Kumpulan Wang Enterprise adalah akaun yang menerima sumber daripada aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan Universiti sendiri.

Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan mengurus USM pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1,083.03 juta berbanding sebanyak RM1,042.39 juta pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak RM40.64 juta (3.9%). Daripada jumlah pendapatan ini, sebanyak RM943.99 juta (87.2%) adalah daripada pemberian kerajaan manakala RM90.12 juta (8.3%) adalah daripada yuran pelajar dan RM48.92 juta (4.5%) adalah daripada pelbagai pendapatan Universiti.

Rajah 3(a) dan 3(b) menunjukkan pecahan peratusan pemberian kerajaan antara USM dan Hospital USM bagi tahun 2018 dan 2019.




RAJAH 3(a) Pemberian Kerajaan – Belanja Mengurus Bagi Tahun 2018

Lebih 65% pemberian kerajaan yang diterima adalah untuk menampung operasi USM dan Hospital USM.

Manakala perbelanjaan mengurus pada tahun 2019 berjumlah RM1,089.30 juta berbanding sebanyak RM1,091.14 juta pada tahun 2018, menurun sebanyak RM1.84 juta (0.2%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM786.70 juta (72.2%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM253.76 juta (23.3%) adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM3.33 juta (0.3%) untuk perbelanjaan harta modal dan RM45.51 juta (4.2%) untuk pelbagai perbelanjaan.

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Mengurus pada tahun 2019 menunjukkan kurangan pendapatan terkumpul sebanyak RM45.41 juta berbanding RM39.13 juta pada tahun 2018, meningkat sebanyak RM6.28 juta (16.1%). Kurangan pendapatan ini disebabkan oleh penurunan pendapatan yang dijana oleh USM berbanding yang disasarkan pada tahun 2019 untuk menampung operasi USM walaupun pendapatan daripada geran kerajaan merekodkan peningkatan berbanding tahun 2018.



RAJAH 3(b) Pemberian Kerajaan – Belanja Mengurus Bagi Tahun 2019

Jadual 1 menunjukkan kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Mengurus.

JADUAL 1 Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Mengurus Tahun 2019 dan 2018

	Tahun 2019 RM juta	Tahun 2018 RM juta
Pendapatan	1,083.03	1,042.39
Tolak: Perbelanjaan	1,089.30	1,091.14
Kurangan untuk tahun	(6.27)	(48.75)
Kurangan terkumpul awal tahun	(39.13)	(65.51)
Pelarasan/Pindahan	(0.01)	75.13
Kurangan terkumpul akhir tahun	(45.41)	(39.13)

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan menerima peruntukan kerajaan bagi membiayai projek-projek pembangunan bawah Rancangan Malaysia dan diakaunkan bawah Geran Pembangunan Kerajaan selaras dengan pemakaian *Malaysian Public Entity Reporting Standard* (MPERS). Pendapatan pembangunan pada tahun 2019 ialah sebanyak RM15.60 juta berbanding RM6.87 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM8.73 juta (127.1%). Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2019 ialah berjumlah RM16.72 juta berbanding RM16.66 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM0.06 juta (0.4%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk pembelian harta modal bagi tujuan pembangunan berjumlah RM7.81 juta (46.7%), RM8.35 juta (50.0%) untuk perbelanjaan pembelian aset manakala RM0.56 juta (3.3%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM1.12 juta pada tahun 2019 berbanding kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM9.79 juta pada tahun 2018, menurun sebanyak RM8.67 juta (88.6%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti di Jadual 2.

JADUAL 2 Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2019 dan 2018

	Tahun 2019 RM juta	Tahun 2018 RM juta
Pendapatan	15.60	6.87
Tolak: Perbelanjaan	(16.72)	(16.66)
Kurangan untuk tahun	(1.12)	(9.79)
Lebihan terkumpul awal tahun	41.74	51.53
Lebihan terkumpul akhir tahun	40.62	41.74

Kumpulan Wang Penyelidikan

Kumpulan Wang Penyelidikan terdiri daripada kumpulan wang yang menerima dana bagi tujuan penyelidikan bawah agenda USM sebagai Universiti Penyelidikan, penyelidikan E-Science, program Pembangunan Penyelidikan dan program penyelidikan swasta. Kumpulan Wang ini diakaunkan di bawah Geran Penyelidikan Tertunda selaras dengan pemakaian MPERS.

Pada awal tahun 2019, akaun ini telah mencatatkan baki sebanyak RM153.92 juta. Sepanjang tahun 2019, USM telah menerima sejumlah RM64.80 juta geran penyelidikan dari pelbagai sumber sama ada kerajaan dan swasta. Jumlah penerimaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.92 juta (12.0%) berbanding RM57.88 juta pada tahun 2018. Jumlah pelunasan yang telah diakaunkan pada tahun 2019 ialah sebanyak RM52.70 juta berbanding RM62.34 juta pada tahun 2018, menurun sebanyak RM9.64 juta (15.5%).

Pada akhir tahun 2019, akaun ini telah mencatatkan baki sebanyak RM159.32 juta, berbanding sebanyak RM153.92 juta pada tahun 2018, meningkat sebanyak RM5.40 juta (3.5%). Peningkatan ini disumbangkan oleh pertambahan penerimaan geran penyelidikan terutamanya bagi Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan dan penurunan dalam perbelanjaan penyelidikan secara keseluruhan pada tahun 2019.

JADUAL 3 Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Penyelidikan Tahun 2019 dan 2018

	Tahun 2019 RM juta	Tahun 2018 RM juta
Pendapatan	64.80	57.88
Tolak: Perbelanjaan	(52.70)	(62.34)
Kurangan untuk tahun	12.10	(4.46)
Lebihan terkumpul awal tahun	153.92	157.45
Pelarasan/Pindahan	(1.49)	1.02
Bayaran Balik Baki Geran	(5.21)	(0.09)
Lebihan terkumpul akhir tahun	159.32	153.92

Kumpulan Wang Akaun Amanah

Pendapatan daripada pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2019 ialah sebanyak RM122.08 juta berbanding RM104.78 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM17.30 juta (16.5%). Manakala perbelanjaan bagi pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2019 berjumlah RM110.92 juta berbanding RM97.12 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM13.80 juta (14.2%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, jumlah perbelanjaan emolumen adalah bernilai RM21.96 juta (19.8%), perkhidmatan dan bekalan bernilai RM48.37 juta (43.6%), RM13.55 juta (12.2%) jumlah perbelanjaan pemberian dan kenaikan(?) bayaran tetap, RM0.80 juta (0.7%) jumlah perbelanjaan untuk pembelian harta modal, manakala RM26.24 juta (23.7%) adalah untuk perbelanjaan lain termasuk susut nilai.

Secara keseluruhan, terdapat lebihan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang pelbagai Akaun Amanah sebanyak RM11.16 juta pada tahun 2019 berbanding lebihan pendapatan atas perbelanjaan RM7.66 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM3.50 juta (45.70%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang pelbagai Akaun Amanah adalah seperti di Jadual 4.

JADUAL 4 Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Akaun Amanah Tahun 2019 dan 2018

	Tahun 2019 RM juta	Tahun 2018 RM juta
Pendapatan	122.08	104.78
Tolak: Perbelanjaan	(110.92)	(97.12)
Lebihan untuk tahun	11.16	7.66
Lebihan terkumpul awal tahun	418.47	422.33
Pelarasan/Pindahan	1.75	(11.52)
Lebihan terkumpul akhir tahun	431.38	418.47

KUMPULAN WANG ENTERPRISE UNIVERSITI

Pendapatan Enterprise pada tahun 2019 ialah sebanyak RM109.85 juta berbanding RM97.43 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak RM12.42 juta (12.7%). Manakala perbelanjaan Enterprise pada tahun 2019 ialah berjumlah RM94.07 juta berbanding RM99.24 juta pada tahun 2018, penurunan sebanyak RM5.17 juta (5.2%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM73.68 juta (78.3%), RM2.78 juta (3.0%) untuk perbelanjaan emolumen manakala RM17.61 juta (18.7%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat lebihan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Enterprise sebanyak RM15.78 juta pada tahun 2019 berbanding kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM1.81 juta pada tahun 2018, meningkat sebanyak RM17.59 juta (971.8%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Enterprise adalah seperti di Jadual 5.

JADUAL 5 Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Enterprise Tahun 2019 dan 2018

	Tahun 2019 RM juta	Tahun 2018 RM juta
Pendapatan	109.85	97.43
Tolak: Perbelanjaan	(94.07)	(99.24)
Lebihan / (Kurangan) untuk tahun	15.78	(1.81)
Lebihan terkumpul awal tahun	164.47	219.43
Pelarasan/Pindahan	(0.24)	(53.15)
Lebihan terkumpul akhir tahun	180.01	164.47

RUMUSAN


Tahun 2019 telah menyaksikan pencapaian Universiti dalam menguruskan operasinya seperti yang dirancang walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi semasa.

Prestasi kewangan Kumpulan dan Universiti merekodkan *surplus* sebanyak RM18.73 juta dalam tahun 2019 menunjukkan Universiti berupaya mengekalkan prestasi dan kecemerlangan tahap kualiti penyampaian perkhidmatannya. Universiti juga telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima Sijil Tanpa Teguran daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.




STATISTIK KEWANGAN


**Pendapatan Kumpulan
Tahun 2015-2019**




**Pendapatan Universiti
Tahun 2015-2019**




**Perbelanjaan Kumpulan
Tahun 2015-2019**



**Perbelanjaan Universiti
Tahun 2015-2019**



**Pemberian Kerajaan – Belanja Mengurus
Tahun 2015-2019**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 32 telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Gabenor Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Gabenor bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia. Lembaga Gabenor juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Gabenor bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.


- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Gabenor.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Gabenor dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
29 SEPTEMBER 2020




PENYATA LGU

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Gabenor Universiti (AKAUN KUMPULAN)

Kami, **HARI NARAYANAN P ONDIVEERAN** dan **FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Gabenor **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Gabenor, Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,



.....
DR. HARI NARAYANAN P ONDIVEERAN
Pengerusi Lembaga Gabenor

Tarikh : 3/4/2020

Tempat : Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga,



.....
PROFESOR DR. FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN
Ahli Lembaga Gabenor

Tarikh : 3/4/2020

Tempat : Pulau Pinang

PENGAKUAN KEWANGAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, **ROHAYATI MOHD ISA** (No K/P : 650131-08-6356) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas

di **GEORGETOWN, PULAU PINANG**
pada

14 MAY 2020



DR. ROHAYATI MOHD ISA

Di hadapan saya,

No. P. 146

Name: **HAJI MOHAMED YUSOFF
BIN MOHD. IBRAHIM**

01-01-2019 - 31-12-2021

PESURUHJAYA SUMPAAH

NO. 97, LEBUH BISHOP
10200 PULAU PINANG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	735,387,565	786,516,428	728,648,868	778,830,850
Pelaburan dalam Hartanah Pajak	6	3,342,978	3,430,606	-	-
Kerja dalam Kemajuan	7	5,756,018	41,847,461	5,756,018	41,847,461
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	8	-	-	5,000,000	5,000,000
Pelaburan dalam Syarikat Usahasama	9	713,237	855,456	-	-
Pelaburan Jangka Panjang	10	3,350,000	10,000,000	3,350,000	10,000,000
Penghutang Jangka Panjang	11	23,849,547	26,295,649	23,849,547	26,295,649
		772,399,345	868,945,600	766,604,433	861,973,960
ASET SEMASA					
Inventori	12	17,439,787	12,248,909	17,417,994	12,248,909
Penghutang Perniagaan	13	11,962,257	19,709,156	8,834,817	16,230,475
Penghutang Pelbagai, Deposit dan Prabayar	14	22,851,230	32,746,622	20,437,764	30,550,237
Hutang dari Syarikat Subsidiari	15	-	-	6,266,175	7,345,746
Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari	16	-	-	4,870,377	4,293,698
Pelaburan Jangka Pendek	17	12,406,664	11,759,739	3,906,663	3,759,738
Simpanan Tetap	18	543,702,835	594,019,942	519,659,006	571,908,236
Wang di Bank dan di Tangan	19	131,947,913	39,925,816	104,470,728	14,878,572
		740,310,686	710,410,184	685,863,524	661,215,611
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang Perniagaan	20	20,719,134	44,750,676	15,661,120	40,617,316
Pemiutang Pelbagai dan Cagaran	21	86,072,994	83,075,645	58,619,187	58,634,167
Pinjaman Berjangka	22	850,800	850,800	-	-
Pemiutang Pajak	23	142,243	138,505	-	-
		107,785,171	128,815,626	74,280,307	99,251,483
ASET SEMASA BERSIH					
		632,525,515	581,594,558	611,583,217	561,964,128
		1,404,924,860	1,450,540,158	1,378,187,650	1,423,938,088

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)
DIBIAYAI OLEH:					
Kumpulan Wang Mengurus	24	13,621,455	22,894,976	13,621,455	22,894,976
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti		66,518,305	75,566,444	66,518,305	75,566,444
Kumpulan Wang Am		347,740,809	323,083,214	347,740,809	323,083,214
Kumpulan Wang Enterprise		177,294,169	163,325,384	180,009,514	164,465,729
Kumpulan Wang Apex		17,122,406	19,819,511	17,122,406	19,819,511
Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari		26,425,985	23,807,101	-	-
		648,723,129	628,496,630	625,012,489	605,829,874
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Geran Pembangunan Kerajaan	25	509,456,219	579,312,480	509,456,219	579,312,480
Geran Penyelidikan Tertunda	26	159,317,860	153,920,946	159,317,860	153,920,946
Kumpulan Wang Amanah Kekal Hidup	27	16,487,228	16,355,978	16,487,228	16,355,978
Pinjaman Berjangka	22	2,563,477	3,414,277	-	-
Pemiutang Pajakan	23	276,467	428,926	-	-
Cukai Tertunda	28	186,626	92,111	-	-
Manfaat Pekerja	29	67,913,854	68,518,810	67,913,854	68,518,810
		1,404,924,860	1,450,540,158	1,378,187,650	1,423,938,088

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus	24	943,992,132	900,231,200	943,992,132	900,231,200
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	25	85,456,261	77,569,527	85,456,261	77,569,527
Pelunasan Geran Penyelidikan	26	52,694,276	62,339,509	52,694,276	62,339,509
Yuran Pelajar		151,331,988	147,032,533	151,331,988	147,032,533
Perkhidmatan Hospital		29,105,875	22,269,154	29,105,875	22,269,154
Sewa		10,287,629	9,993,530	11,329,603	11,056,081
Dividen		1,121,448	1,287,288	2,101,448	609,288
Faedah		24,007,925	25,525,394	22,711,714	24,373,333
Sumbangan	30	83,321,663	68,889,097	83,321,663	68,889,097
Keuntungan Atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		-	52,504	-	-
Keuntungan Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan		1,450,000	100,000	950,000	100,000
Keuntungan Atas Pelupusan Pelaburan		4,061,249	10,798	4,061,249	10,798
Keuntungan Pertukaran Matawang Asing Belum Direalisasi		25,447	344,966	25,447	344,966
Keuntungan Syarikat Usahasama		657,781	255,274	-	-
Elaun Hutang Ragu Tidak Lagi Diperlukan		8,250,462	11,985,696	5,264,222	11,972,989
Pendapatan Lain	31	60,286,882	69,728,931	35,110,038	41,663,742
Jumlah Pendapatan		1,456,051,018	1,397,615,401	1,427,455,916	1,368,462,217
PERBELANJAAN					
Emolumen		836,215,409	797,126,478	826,486,255	792,588,221
Perjalanan dan Sara Hidup		15,154,429	15,890,838	12,090,804	12,827,213
Pengangkutan Barang-barang		251,880	275,097	245,953	269,170
Perhubungan dan Utiliti		58,598,268	59,384,037	58,047,080	58,832,849
Sewaan		13,426,889	13,667,679	11,926,432	12,167,222
Bahan Makanan dan Minuman		2,767,535	2,702,022	2,726,406	2,660,893
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan		6,850,772	8,226,063	6,842,967	8,221,923
Bekalan dan Bahan Lain		55,512,937	54,226,119	46,175,260	44,847,375
Bekalan Perubatan Kesihatan dan Pergigian	32	89,531,289	94,444,355	89,531,289	94,444,355
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		54,475,100	55,843,702	54,079,242	55,447,844
Perkhidmatan Iktis dan Hospitaliti		92,667,412	98,360,293	96,089,226	95,796,503
Emolumen Staf Kontrak		25,102,474	24,466,279	25,085,760	24,466,279
Pembelian Harta Modal		14,354,962	9,262,900	14,354,962	9,262,900
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		21,450,202	31,489,018	21,450,202	31,489,018
Elaun Hutang Ragu		12,144,325	28,114,426	9,323,420	27,900,606
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		70,976	112,836	5,491	109,779
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		123,706,501	127,420,874	122,483,994	126,171,153
Susutnilai Pelaburan dalam Hartanah Pajak		87,628	87,627	-	-
Kerugian Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan		-	720,000	-	-
Kerugian Atas Pelupusan Pelaburan Jangka Pendek		-	60,899	-	60,899
Perbelanjaan Lain		13,031,927	18,685,051	12,823,547	17,801,387
Jumlah Perbelanjaan		1,435,400,915	1,440,566,593	1,409,768,290	1,415,365,589

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai		20,650,103	(42,951,192)	17,687,626	(46,903,372)
Cukai	33	(1,918,593)	(756,447)	-	-
Lebihan / (Kurangan) Selepas Cukai Yang Mewakili Jumlah Pendapatan Komprehensif		18,731,510	(43,707,639)	17,687,626	(46,903,372)
Pendapatan Komprehensif Lain		-	-	-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF		18,731,510	(43,707,639)	17,687,626	(46,903,372)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 31 Disember 2017							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	547,251	84,614,582	313,673,626	218,290,714	24,041,057	20,611,368	661,778,598
Pelarasan tahun lalu (Nota 34)	11,445,008	-	-	-	-	-	11,445,008
Seperti dinyatakan semula	11,992,259	84,614,582	313,673,626	218,290,714	24,041,057	20,611,368	673,223,606
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	(63,976,445)	(9,048,138)	20,929,394	(1,814,891)	(4,221,546)	3,195,733	(54,935,893)
Pelarasan tahun lalu (Nota 34)	11,184,659	-	-	43,595	-	-	11,228,254
Seperti dinyatakan semula	(52,791,786)	(9,048,138)	20,929,394	(1,771,296)	(4,221,546)	3,195,733	(43,707,639)
Pindahan	63,694,503	-	(11,519,806)	(53,194,034)	-	-	(1,019,337)
Baki pada 31 Disember 2018	22,894,976	75,566,444	323,083,214	163,325,384	19,819,511	23,807,101	628,496,630
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai	(9,260,491)	(9,048,139)	22,908,911	14,209,450	(2,697,105)	2,618,884	18,731,510
Pindahan	(13,030)	-	1,748,684	(240,665)	-	-	1,494,989
Baki Pada 31 Disember 2019	13,621,455	66,518,305	347,740,809	177,294,169	17,122,406	26,425,985	648,723,129

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 31 Disember 2017							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	547,251	84,614,582	313,673,626	219,431,059	24,041,057	-	642,307,575
Pelarasan tahun lalu (Nota 34)	11,445,008	-	-	-	-	-	11,445,008
Seperti dinyatakan semula	11,992,259	84,614,582	313,673,626	219,431,059	24,041,057	-	653,752,583
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	(63,976,445)	(9,048,138)	20,929,394	(1,814,891)	(4,221,546)	-	(58,131,626)
Pelarasan tahun lalu (Nota 34)	11,184,659	-	-	43,595	-	-	11,228,254
Seperti dinyatakan semula	(52,791,786)	(9,048,138)	20,929,394	(1,771,296)	(4,221,546)	-	(46,903,372)
Pindahan	63,694,503	-	(11,519,806)	(53,194,034)	-	-	(1,019,337)
Baki pada 31 Disember 2018	22,894,976	75,566,444	323,083,214	164,465,729	19,819,511	-	605,829,874
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai	(9,260,491)	(9,048,139)	22,908,911	15,784,450	(2,697,105)	-	17,687,626
Pindahan	(13,030)	-	1,748,684	(240,665)	-	-	1,494,989
Baki Pada 31 Disember 2019	13,621,455	66,518,305	347,740,809	180,009,514	17,122,406	-	625,012,489

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Lebihan / (Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	20,650,103	(42,951,192)	17,687,626	(46,903,372)
Pelarasan untuk:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	123,706,501	127,420,874	122,483,994	126,171,153
Susutnilai pelaburan dalam hartanah pajakan	87,628	87,627	-	-
Pendapatan dividen	(1,121,448)	(1,287,288)	(2,101,448)	(609,288)
Pendapatan faedah	(24,007,925)	(25,525,394)	(22,711,714)	(24,373,333)
Perbelanjaan faedah	231,815	247,323	-	-
Pelunasan geran pembangunan kerajaan	(85,456,261)	(77,569,527)	(85,456,261)	(77,569,527)
Pelunasan geran penyelidikan tertunda	(52,694,276)	(62,339,509)	(52,694,276)	(62,339,509)
Perbelanjaan lain	-	2,264	-	2,264
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	70,976	112,836	5,491	109,779
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	(52,504)	-	-
Elaun hutang ragu	12,144,325	28,114,426	9,323,420	27,900,606
Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan	(8,250,462)	(11,985,696)	(5,264,222)	(11,972,989)
(Keuntungan) / Kerugian bersih atas nilai saksama pelaburan	(1,450,000)	620,000	(950,000)	(100,000)
Kerugian / (Keuntungan) syarikat usahasama	142,219	(255,274)	-	-
Pembelian harta modal	-	263,100	-	263,100
Perkhidmatan dan bekalan	156,573	-	156,573	-
(Keuntungan) / Kerugian bersih atas pelupusan pelaburan	(4,061,249)	50,101	(4,061,249)	50,101
Keuntungan pertukaran matawang asing belum direalisasi	(25,447)	(344,966)	(25,447)	(344,966)
Manfaat pekerja	761,911	(5,231,814)	761,911	(5,231,814)
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(19,115,017)	(70,624,613)	(22,845,602)	(74,947,795)
Pertambahan dalam inventori	(5,190,878)	(572,231)	(5,169,085)	(572,231)
Pengurangan / (Pertambahan) dalam penghutang	15,393,891	(5,849,391)	16,423,374	(11,818,556)
Pengurangan dalam pemiutang	(22,304,060)	(12,586,191)	(26,338,043)	(12,667,636)
Tunai digunakan dalam daripada operasi	(31,216,064)	(89,632,426)	(37,929,356)	(100,006,218)
Faedah dibayar	(231,815)	(247,323)	-	-
Cukai dipulangkan	(1,681,971)	297,279	-	-
Cukai dibayar	683,979	(964,875)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	(32,445,871)	(90,547,345)	(37,929,356)	(100,006,218)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan Nota A	(30,828,510)	(21,225,525)	(30,443,670)	(20,303,257)
Pembayaran kerja dalam kemajuan	(5,928,963)	(23,255,221)	(5,928,963)	(23,255,221)
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	43,729	52,770	-	-
Penerimaan daripada pelupusan pelaburan	11,661,249	4,961,122	11,661,249	4,961,122
Dividen diterima	974,523	1,138,433	1,954,523	460,433
Faedah diterima	24,007,925	25,525,394	22,711,714	24,373,333
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(70,047)	(12,803,027)	(45,147)	(13,763,590)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran pembangunan diterima	15,600,000	6,865,000	15,600,000	6,865,000
Geran penyelidikan diterima	64,929,244	58,541,413	64,929,244	58,541,413
Penerimaan daripada pinjaman berjangka	-	795,762	-	-
Pertambahan dalam pemiutang pajakan	-	635,406	-	-
Bayaran balik baki geran penyelidikan	(5,211,815)	(89,868)	(5,211,815)	(89,868)
Pembayaran pinjaman berjangka	(850,800)	(354,499)	-	-
Pembayaran pemiutang pajakan	(148,721)	(121,513)	-	-
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	74,317,908	66,271,701	75,317,429	65,316,545
Lebihan / (Kurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai	41,801,990	(37,078,671)	37,342,926	(48,453,263)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	631,482,665	668,561,336	586,786,808	635,240,071
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	673,284,655	631,482,665	624,129,734	586,786,808
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Simpanan tetap dengan institusi kewangan	543,702,835	594,019,942	519,659,006	571,908,236
Wang di bank dan di tangan	131,947,913	39,925,816	104,470,728	14,878,572
<i>Tolak:</i> Simpanan Tabung Amanah di bank " Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj" (TAPPAH) (Nota 19)	(805,472)	(902,472)	-	-
<i>Tolak:</i> Simpanan tetap dicagar (Nota 18)	(1,560,621)	(1,560,621)	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	673,284,655	631,482,665	624,129,734	586,786,808
Nota A : Pembelian hartanah, loji dan peralatan				
	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Jumlah pembelian hartanah, loji dan peralatan	72,848,916	40,988,849	72,464,076	40,066,581
<i>Tolak:</i> Penambahan hartanah, loji dan peralatan yang tidak melibatkan transaksi tunai:				
Pindahan daripada kerja dalam kemajuan	(42,020,406)	(19,763,324)	(42,020,406)	(19,763,324)
	30,828,510	21,225,525	30,443,670	20,303,257

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

1 MAKLUMAT AM

a. KEGIATAN UTAMA

Universiti Sains Malaysia (Universiti) ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan guna tenaga negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama Syarikat Subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah menyediakan perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan kursus dan seminar, perkhidmatan pengurusan, sewa kecil ruang pejabat dan peralatan serta perdagangan.

b. LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi - lokasi berikut:

- (i) Kampus Induk di Minden, Pulau Pinang
- (ii) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju di Kepala Batas, Pulau Pinang
- (iii) Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan
- (iv) Hospital Universiti di Kubang Kerian, Kelantan
- (v) Kampus Kejuruteraan di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

c. MATAWANG BERFUNGSI DAN PERBENTANGAN

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang berfungsi bagi Kumpulan dan Universiti. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM.

d. TARIKH PENYATA KEWANGAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti secara edaran berdasarkan ketetapan peruntukan di dalam Perintah Tetap Lembaga Gabenor Universiti pada 3 April 2020.

2 PENYATA PEMATUHAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kesemua dasar-dasar perakaunan penting sepertimana yang dinyatakan di bawah adalah konsisten sepertimana yang diamalkan di dalam tahun-tahun yang lalu.

a. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam pernyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah. Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti juga disediakan selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

b. ASAS PENYATUAN

Penyata Kewangan Kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan Syarikat Subsidiari diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula secara efektif sehingga ke tarikh kawalan tamat. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun Syarikat Subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah pengambilalihan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset Syarikat Subsidiari pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan.

Penyata Kewangan Universiti dan Syarikat Subsidiari disediakan mengikut polisi Kumpulan dan pada tarikh tahun berakhir yang sama.

Semua baki, urusniaga di antara Kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

c. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas.

Tanah yang diberi oleh kerajaan diambil kira pada nilai RM1 setiap lot.

Bangunan yang diberi oleh kerajaan dipermodalkan pada nilai nominal sebanyak RM100 setiap

Hartanah, Loji dan Peralatan yang diterima daripada derma atau sumbangan direkodkan pada nilai saksama pada tarikh penerimaan.

Aset tetap yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit dipermodalkan.

Pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM300,000 akan dipermodalkan.

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan samarata di sepanjang baki tempoh pajakan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan lain adalah seperti berikut:

Infrastruktur dan kemudahan	5%
Bangunan atas tanah milik bebas	5%
Bangunan atas tanah pajakar	5%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan kelengkapan	12% - 33 1/3%
Kenderaan	20%
Alatan	20%

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikenakan kepada Kumpulan Wang masing - masing.

Apabila petunjuk penurunan nilai wujud, maka nilai dibawa aset ditaksir dan diturunkan dengan serta merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

d. PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau keduanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambil kira sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS selepas itu. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan, ianya akan diukur pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Hartanah pelaburan disusutnilai dengan memperuntukkan jumlah amaun yang boleh disusutnilai tolak nilai sisa di sepanjang anggaran hayat kegunaannya menggunakan kaedah garis lurus.

Hartanah pelaburan pajakan disusutnilai di sepanjang tempoh pajakan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, anggaran nilai sisa, anggaran hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dinilai semula untuk sebarang perubahan signifikan. Jika terdapat sebarang perubahan, susutnilai aset akan diselaraskan secara prospektif.

e. KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang didirikan dan aset lain yang belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan. Kos pembinaan akan dipermodalkan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

f. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti mempunyai kepentingan kawalan ke atas kewangan dan polisi operasi untuk mendapat keuntungan daripada semua aktiviti mereka.

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

g. PELABURAN DALAM SYARIKAT KERJASAMA

Usahasama diiktiraf berdasarkan kriteria kawalan bersama. Usahasama wujud apabila Syarikat Subsidiari dan pihak lain terikat kepada kontrak usahasama yang memberikan kawalan bersama kepada Syarikat Subsidiari dan pihak lain tersebut terhadap usahasama. Kawalan bersama wujud apabila terdapat persetujuan berkontrak perkongsian kawalan terhadap aktiviti berkaitan, yang memerlukan persetujuan sebulat suara pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Pengelasan usahasama kepada operasi bersama atau kerjasama bergantung kepada hak dan obligasi setiap pihak kepada usahasama tersebut. Syarikat Subsidiari mengklasifikasikan suatu usahasama sebagai operasi bersama jika Syarikat Subsidiari dan pihak lain berkongsi kawalan bersama, mempunyai hak ke atas aset dan obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan usahasama tersebut. Hal ini termasuk operasi bersama distrukturkan dalam entiti khas berasingan. Suatu usahasama diklasifikasikan sebagai kerjasama jika Syarikat Subsidiari dan pihak lain yang berkongsi kawalan bersama mempunyai hak ke atas aset bersih usahasama tersebut.

Untuk kepentingan dalam kerjasama, Syarikat Subsidiari mengiktiraf kepentingannya sebagai pelaburan yang diukur menggunakan kaedah kos.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

h. PENJEJASAN NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Kemerosotan nilai wujud apabila amaun dibawa aset melebihi nilai amaun boleh pulih.

Pada akhir tempoh kewangan, Kumpulan dan Universiti akan menilai samada terdapat indikasi sesuatu aset mungkin mengalami kemerosotan nilai dengan menggunakan maklumat dalaman dan luaran. Jika ianya terjadi maka Kumpulan dan Universiti akan membuat anggaran amaun boleh pulih aset tersebut.

Bagi aset-aset yang diukur menggunakan model kos, semua kemerosotan nilai akan direkodkan di dalam penyata pendapatan. Sekiranya terdapat pembalikan di dalam kemerosotan nilai ianya akan direkod di dalam penyata pendapatan, tertakluk kepada had dimana nilai dibawa yang baru tidak melebihi amaun yang mana tiada peruntukan kemerosotan nilai telah direkodkan sebelumnya.

i. INVENTORI

Inventori bekalan ubat-ubatan dan bahan kimia dinyatakan pada kos. Kos ditentukan secara kaedah purata wajaran.

Inventori kad elektronik dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan secara kaedah masuk - dahulu - keluar - dahulu (FIFO). Kos inventori termasuk kos pembelian asal dan kos lain yang boleh dikenal pasti untuk membawa inventori ke lokasi dan dalam keadaan semasanya.

j. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan tetap dengan institusi kewangan, baki wang di bank dan tunai dalam tangan.

k. PEMIUTANG PAJAKAN

Pajak harta dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Syarikat.

Kumpulan pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau; jika lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Pengiktirafan aset pajakan diakaunkan mengikut piawaian MPERS. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Syarikat akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat.

Pajak harta dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindahkan sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

I. MANFAAT PEKERJA

(i) Manfaat Jangka Pendek

Manfaat pekerja jangka pendek seperti upah, gaji dan manfaat-manfaat lain diiktiraf pada nilai tanpa didiskaunkan sebagai liabiliti dan belanja apabila perkhidmatan diberikan. Kos untuk ganjaran cuti rehat diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka bagi ganjaran cuti rehat. Kos dijangka untuk ganjaran cuti rehat terkumpul diukur pada nilai tambahan yang dijangka akan dibayar akibat hak yang tidak digunakan yang terkumpul pada akhir tempoh laporan dan didiskaunkan pada kadar empat peratus (4%)

(ii) Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi staf yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan. Apabila caruman-caruman tersebut dibayar, Universiti tidak mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran selanjutnya.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Universiti telah menerima pakai Standard Perakaunan Malaysia 29 (MASB 29 - Employee Benefits) yang memerlukan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantikan cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 hingga 60 tahun pada tahun kewangan. Pengiraan amaun manfaat pekerja ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elaun yang layak sehingga tarikh persaraan dan didiskaunkan pada kadar empat peratus (4%).

m. PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

- (i) Pemberian kerajaan diakaunkan atas asas akruan selaras dengan kandungan perjanjian pemberian geran kerajaan untuk Belanja Mengurus dan diambil kira dalam Penyata Pendapatan.
- (ii) Pemberian untuk projek - projek penyelidikan E-Science diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science.
- (iii) Pemberian untuk Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan dikreditkan kepada akaun Geran Pembangunan Kerajaan. Amaun dalam akaun ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan secara purata lurus ke atas jangka masa projek berkenaan.
- (iv) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akruan.
- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- (vi) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- (vii) Pendapatan daripada kontrak penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyediaan. Sebarang kerugian yang dijangka akan diiktiraf sejauh mana yang boleh ditentukan.
- (viii) Keuntungan atas simpanan secara Islam diiktiraf berdasarkan asas tunai.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.

Pendapatan dividen:

- (a) Pendapatan dikreditkan ke Kumpulan Wang yang berkenaan sekiranya pelaburan dan simpanan tetap diperuntukkan khas untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (b) Pendapatan diambil kira sebagai pendapatan Universiti bagi pelaburan dan simpanan tetap yang tidak dikhasakan untuk Kumpulan Wang tertentu.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

m. PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

- (x) Sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak Universiti dan penyewa.
- (xi) Sumbangan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.
- (xii) Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

n. CUKAI PENDAPATAN

Universiti Sains Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Judul 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

Bagi Syarikat Subsidiari, cukai ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah amaun cukai yang dijangka setakat yang belum dibayar terhadap keuntungan boleh dicukai bagi tahun kewangan semasa dan dikira pada kadar cukai yang telah digubal pada akhir tempoh pelaporan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai dan amaun bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan, sehingga ke tahap di mana kemungkinan bahawa terdapatnya keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai yang boleh digunakan untuk merealisasikan perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan tersebut.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai pendapatan yang dijangka berkuatkuasa dalam tahun kewangan di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan. Berdasarkan kepada kadar cukai pendapatan semasa yang telah digubal, cukai tertunda dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan, kecuali jika ia berkaitan dengan item-item yang dikreditkan atau dicaj terus ke ekuiti, di mana cukai tertunda tersebut turut diuruskan melalui ekuiti.

o. POLISI TUKARAN MATAWANG

Urusniaga dalam matawang asing pada awalnya, ditukar pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, aset dan liabiliti disebut dalam matawang asing ditukar semula kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh berkenaan. Perbezaan matawang asing yang timbul disebabkan penukaran semula itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Aset dan liabiliti bukan kewangan disebut dalam matawang asing yang diukur pada kos sejarah ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bukan kewangan disebut dalam matawang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan.

Pertukaran dan Terjemahan Matawang

Urusniaga dalam mata wang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari yang ditunjukkan dalam mata wang asing pada tarikh penyata kedudukan kewangan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran asing yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran asing yang timbul semasa terjemahan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Aset dan liabiliti bukan monetari yang ditunjukkan dalam mata wang asing, yang dinyatakan pada kos sejarah, ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran asing yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga.

